



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

# TINDAK BALAS MASYARAKAT BABA NYONYA TERHADAP MODENISASI DI MELAKA, 1900-1957



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## TINDAK BALAS MASYARAKAT BABA NYONYA TERHADAP MODENISASI DI MELAKA, 1900-1957

FAUZI BIN MOHAMAD



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK  
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA (SEJARAH)  
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**Sila tanda (\checkmark)**

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

✓

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH****PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**Perakuan ini telah dibuat pada 9 Julai 2024**i. Perakuan pelajar :**

Saya, FAUZI BIN MOHAMAD, NO. MATRIK, M20211000298 DARI FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk TINDAK BALAS MASYARAKAT BABA NYONYA TERHADAP MODENISASI DI MELAKA, 1900-1957 adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya



05-451

Tandatangan pelajar

ii

**ii. Perakuan Penyelia:**

Saya, PROFESOR DR. HAJI ISHAK BIN SAAT (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk TINDAK BALAS MASYARAKAT BABA NYONYA TERHADAP MODENISASI DI MELAKA, 1900-1957 (TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA SASTERA (SEJARAH) (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

9 JULAI 2024

Tarikh

**PROFESSOR DR. ISHAK BIN SAAT**  
Professor  
Jabatan Sejarah  
Fakulti Sains Kemanusiaan  
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Tandatangan Penyelia



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /  
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES****BORANG PENGESAHAN PENYERAHANTESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK  
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: TINDAK BALAS MASYARAKAT BABA NYONYA TERHADAP  
MODENISASI DI MELAKA, 1900-1957

No. Matrik / Matric's No.: M20211000298

Saya / I : FAUZI BIN MOHAMAD

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)\* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

*acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-*

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.  
*The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris*
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.  
*Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.*
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.  
*The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.*
4. Sila tandakan ( ✓ ) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick ( ✓ ) for category below:-

**SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmii 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

**TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

PROFESSOR DR. ISRAK BIN SAAT  
Professor  
Jabatan Sejarah  
Fakulti Sains Kemanusiaan  
Universiti Pendidikan Sultan Idris

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)  
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 12 JULAI 2024

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuastra/organisasii berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.





## PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Bersyukur kepada Allah, kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, saya Fauzi bin Mohamad dapat menyiapkan disertasi ini dalam tempoh yang ditetapkan oleh pihak Universiti Pendidikan Sultan Idris. Dalam melaksanakan disertasi ini, pelbagai cabaran dan dugaan yang telah ditempuh khususnya dalam mencari bahan-bahan kajian dalam melakukan penyelidikan. Namun demikian, berkat kesabaran dan sokongan pelbagai pihak, akhirnya saya dapat menyiapkan disertasi ini dengan jayanya.

Menyantuni sekalung penghargaan kepada Profesor Dr. Haji Ishak bin Saat sebagai penyelia disertasi ini di atas bimbingan, dorongan, nasihat, teguran dan buah fikiran kepada saya sepanjang kajian penyelidikan ini dijalankan. Jutaan terima kasih saya ucapkan khas buat beliau. Selain itu, ucapan terima kasih juga kepada Dr. Sahul Hamid bin Mohamed Maiddin, Profesor Madya Dr. Khairi bin Ariffin, Profesor Madya Dr. Ahmad Zainudin bin Husin serta semua pensyarah di Jabatan Sejarah kerana telah membuka mata dan minda serta membimbang saya selama berada di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Ucapan terima kasih juga kepada kakitangan Perpustakaan Tuanku Bainun (UPSI), Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Perpustakaan Negara Malaysia, Arkib Negara Malaysia (Cawangan KL & Melaka), Wisma Sejarah, Pusat Dokumentasi Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Pusat Dokumentasi PERZIM, Melaka, Perpustakaan Jabatan Ketua Menteri Melaka, Institut Tun Perak, Melaka, PERPUSTAM (Cawangan Melaka & Jasin), Persatuan Peranakan Baba Nyonya Melaka (PPBNM) dan Persatuan Peranakan Cina Melaka (PPCM) di atas bantuan dan kerjasama yang telah diberikan serta bantuan menggunakan bahan-bahan yang berkaitan dengan disertasi ini. Di samping itu, suka cita ingin ucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada bapa tersayang, Mohamad bin Jailani dan adik beradik yang memberi bantuan, kata-kata perangsang dan doa restu yang menjadi sebahagian kekuatan untuk menyiapkan kajian penyelidikan ini. Tidak ketinggalan menyantuni dengan ucapan terima kasih buat rakan seperjuangan mod Sarjana Sejarah Sesi 2021 yang tidak jemu menghulurkan pandangan, idea, kerjasama, nasihat, kekuatan fizikal dan mental dalam menyiapkan kajian penyelidikan ini.

Akhir kalam, terima kasih kepada mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung semasa kajian penyelidikan ini disiapkan. Segala bentuk bantuan, dorongan dan teguran yang diberikan oleh semua pihak akan saya kenang hingga akhir hayat. Hanya ALLAH SWT sahaja dapat membalas jasa dan bantuan yang dihulurkan. Saya sayang anda semua.





## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk membincangkan tindak balas masyarakat Baba Nyonya terhadap modenisasi di Melaka, 1900-1957. Hal ini disebabkan keupayaan dan pengekalan identiti masyarakat Baba Nyonya yang semakin terhakis dalam konteks ekonomi, politik dan sosial di Melaka. Justeru, objektif kajian ini adalah untuk melihat kesan modensasi terhadap pencapaian oleh masyarakat Baba Nyonya yang dijalankan daripada aspek penglibatan dan penguasaan ekonomi, politik dan sosial. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan membuat analisis dokumen di Arkib Negara dan beberapa kajian di Perpustakaan Negara, Perpustakaan Tuanku Bainun, UPSI, Perpustakaan Tun Sri Lanang, UKM, Perpustakaan Hamzah Sendut 1, USM, Perpustakaan Awam Melaka dan Perpustam Cawangan Jasin, Perpustakaan Jabatan Ketua Menteri Melaka, Perpustakaan Tun Raja Uda, Shah Alam, Bangunan Penyelidikan dan Dokumentasi, Muzium Rakyat, Melaka, Wisma Sejarah, KL, Institut Tun Perak, Melaka dan Pusat Rujukan Persuratan Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka. Dapatkan kajian menunjukkan perubahan yang dialami oleh masyarakat Baba Nyonya seiring dengan modenisasi yang memberikan kesan kepada kehidupan masyarakat mereka dari tahun 1900 hingga tahun 1957. Perkembangan tersebut membawa kepada sumbangan dan pencapaian yang hebat kalangan masyarakat Baba Nyonya di Melaka. Hal ini telah memberikan impak kepada kedudukan kehidupan masyarakat Baba Nyonya di negeri Melaka. Walau bagaimanapun, sumbangan dan pencapaian tersebut turut memberikan perubahan yang ketara dari sudut isu dan cabaran yang dihadapi oleh masyarakat Baba Nyonya di Melaka. Kesimpulan daripada kajian ini ialah sumbangan kepada masyarakat khususnya berkenaan masyarakat Baba Nyonya di Melaka daripada segi pencapaian dan sumbangan dalam ekonomi, politik dan sosial yang berlaku sewaktu kemuncak kegemilangan Baba Nyonya di Melaka. Tumpuan kajian amat penting daripada perspektif sejarah masyarakat Baba Nyonya di Melaka dan pensejarahan Malaysia secara amnya.





## REACT OF THE BABA NYONYA COMMUNITY TO MODERNIZATION IN MELAKA, 1900-1957

### ABSTRACT

This study focuses on discussing how the Baba Nyonya community reacted to modernization in Melaka from 1900 to 1957. This is because of the Baba Nyonya community's capacity to maintain its identity in the face of Malacca's increasingly unstable political, social, and economic environment. The study aims to examine how modernization affects the accomplishments of the Baba Nyonya community in terms of economic, political, and social participation and influence. This study employs a qualitative approach by examining documents from various libraries and archives including the National Archives, National Library, and several other libraries such as Tuanku Bainun Library, UPSI, Tun Sri Lanang Library, UKM, Hamzah Sendut 1 Library, USM, Melaka Public Library, Jasin Branch Library, Head Department Library Melaka Minister, Tun Raja Uda Library, Shah Alam, Research and Documentation Building, People's Museum Melaka, Wisma Sejarah KL, Tun Perak Institute Melaka. The study's results illustrate the effects of industrialization on the Baba Nyonya community's communal life between 1900 and 1957. The development resulted in significant contributions and accomplishments within the Baba Nyonya community in Malacca. This has affected the lives of the Baba Nyonya people in Malacca. Nevertheless, these contributions and achievements have led to substantial changes in the challenges encountered by the Baba Nyonya community in Melaka. This study concludes that it examines the economic, political, and social achievements and contributions of the Baba Nyonya community in Melaka at its peak period. The study's focus is crucial for understanding the history of the Baba Nyonya community in Malacca and Malaysian historiography.



## KANDUNGAN

### Muka Surat

#### PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI

iii

#### PENGHARGAAN

iv

#### ABSTRAK

v

#### ABSTRACT

vi

#### KANDUNGAN

vii

#### SENARAI PETA

x

xi

#### SENARAI JADUAL

xii

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my

#### SENARAI RAJAH

xiii

#### SENARAI SINGKATAN

xiv

#### SENARAI LAMPIRAN

xvi

#### BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	3
1.3	Permasalahan Kajian	7
1.4	Objektif Kajian	10
1.5	Skop Kajian	10
1.5.1	Skop Masa	11



1.5.2 Skop Lokasi	12
1.6 Kepentingan Kajian	13
1.7 Sorotan Literatur	14
1.8 Metodologi Kajian	28
1.8.1 Kajian Kepustakaan	29
1.8.2 Kajian Lapangan	30
1.8.3 Kajian Lisan	30
1.8.4 Rujukan Laman Sesawang	31
1.9 Definisi Istilah	31
1.9.1 Modenisasi	32



1.9.2 Peranakan Baba	
1.9.3 Baba Nyonya	37
1.9.4 <i>Straits Born Chinese</i>	40
1.10 Pembahagian Bab	41
1.11 Rumusan	44

## BAB 2 LATAR BELAKANG MASYARAKAT BABA NYONYA DI MELAKA

2.1 Pendahuluan	45
2.2 Sejarah Masyarakat Baba Nyonya di Melaka	48
2.2.1 Orang Cina Awal di Melaka	50
2.2.2 Laksamana Zheng He dan Hubungan Diplomatik China-Melaka	64





2.3	Pembentukan Masyarakat Baba Nyonya di Melaka	67
2.3.1	Perkahwinan Campur Orang Cina Dengan Wanita Tempatan	68
2.3.2	Identiti Baba Melayu	73
2.3.3	Pembentukan Etnik Muslim Baba Nyonya	78
2.4	Penempatan Baba Nyonya di Melaka	83
2.4.1	Penempatan Awal di Bukit Cina	84
2.4.2	Jalan Tun Tan Cheng Lock ( <i>Heeren Street</i> )	88
2.4.3	Jalan Hang Jebat ( <i>Jonker Street</i> )	94
2.5	Kesimpulan	100

### BAB 3 KESAN MODENISASI TERHADAP MASYARAKAT BABA NYONYA DALAM SEKTOR EKONOMI



3.1	Pendahuluan	103
3.2	Penglibatan Awal Dalam Sektor Pertanian	104
3.3	Penguasaan Ekonomi Baba Nyonya Secara Komersial di Melaka	111
3.3.1	Syarikat Perkapalan Wap	113
3.3.2	Perladangan Getah	122
3.3.3	Perbankan	132
3.3	Kesimpulan	139

### BAB 4 SUMBANGAN DAN PENCAPAIAN MASYARAKAT BABA NYONYA DI MELAKA

4.1	Pendahuluan	142
-----	-------------	-----





4.2	<i>Straits Chinese British Association (SCBA)</i>	143
4.3	<i>Malaysian Chinese Association (MCA) dan Peranannya</i>	157
4.4	Pendidikan Masyarakat Baba Nyonya di Melaka	164
4.5	Penerbitan Penulisan Karya Kreatif	175
4.6	Kesimpulan	183
<b>BAB 5 ISU DAN CABARAN MASYARAKAT BABA NYONYA DI MELAKA</b>		
5.1	Pendahuluan	186
5.2	Perjuangan Status Masyarakat Baba Nyonya	188
5.3	Pemilikan Perniagaan Masyarakat Baba Nyonya	199
5.4	Fenomena Perkahwinan Campur	212
5.5	Pengekalan Identiti Masyarakat Baba Nyonya	220
5.6	Kesimpulan	230
<b>BAB 6 PENUTUP</b>		234
<b>BIBLIOGRAFI</b>		246
<b>LAMPIRAN</b>		260





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

X

## SENARAI PETA

No. Peta	Muka Surat
2.1 Jalan Tun Tan Cheng Lock (dahulunya <i>Heeren Street</i> ) dan Jalan Gelanggang (dahulunya <i>Jonker Street</i> dan kemudianya ditukar menjadi Jalan Hang Jebat)	58
2.2 Peta Mao Kun iaitu laluan Laksamana Zheng He ke Melaka	65



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



## SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
2.1 Jumlah dan peratusan Cina kelahiran tempatan di Negeri-Negeri Selat pada tahun 1901, 1931 dan 1957	63
2.2 Peningkatan populasi kumpulan etnik dalam bandar Melaka	89
3.1 Data kapal wap yang beroperasi sekitar Tanah Melayu	118
4.1 Senarai presiden <i>Straits Chinese British Association</i> (SCBA) di Melaka bermula Oktober 1900 dan kini dikenali sebagai Persatuan Peranakan Cina Melaka (PPCM)	150





## SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat	
2.1	Bukit Cina di Melaka pada tahun 1780	47
2.2	Kubur di atas Bukit Cina tahun 1860-1900	85
2.3	Jalan Tun Tan Cheng Lock sekarang (dahulu <i>Heeren Street</i> )	94
2.4	Jalan Hang Jebat (dahulu <i>Jonker Street</i> )	97
3.1	Kapal wap bernama “ <i>Malacca</i> ” yang beroperasi dari Melaka	115
3.2	Pembukaan kawasan hutan bagi tujuan penanaman getah	125
3.3	Tan Cheng Lock bersama pekerjaanya di Nyalas Estate 1909	130
4.1	Jawatankuasa <i>Straits Chinese British Association</i> (SCBA), Singapura 1900	145
4.2	Bangunan SCBA di Melaka	150
4.3	Ahli Mesyuarat Perundangan Negeri-Negeri Selat 1934	151
4.4	Kunjungan makan tengahari Sir Lawrence Guillemard di kediaman Tan Cheng Lock di <i>Heeren Street</i> , Melaka	154
4.5	Ahli-ahli Majlis Kolej Anglo-Chinese. Tan Cheng Lock dilantik menjadi ahli majlis pada tahun 1918	169
4.6	Mesyuarat Melaka di kediaman Tan Cheng Lock bersama Tunku Abdul Rahman bersama perwakilan UCSTA-UCSCA pada 12.01.1955	173
4.7	Muka depan akhbar <i>Straits Chinese Magazine</i> pada awal abad ke-19	183





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

xiii

5.1	<i>Federation of Malaya – A Short Guide to Citizenship Laws</i>	199
5.2	Peta Zon Teras ( <i>Core Zone</i> ) dan Zon Penampan ( <i>Buffer Zone</i> ), Tapak Warisan Dunia, UNESCO	223



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



## SENARAI SINGKATAN

ACM	<i>Asian Civilisation Museum</i>
CLC	<i>Communitties Liaison Committee</i>
EXCO	<i>Executive Councillor</i>
JKMM	Jabatan Ketua Menteri Melaka
MCA	<i>Malaysia Chinese Association</i>
MCACECC	<i>Malayan Chinese Association Chinese Education Central Committee</i>
NNS	Negeri-Negeri Selat
OCBC	<i>Oversea-Chinese Banking Corporation</i>
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
PERPUSTAM	Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka
PPCM	Persatuan Peranakan Cina Melaka
S. M.	Sebelum Masihi
SCBA	<i>Straits Chinese British Association</i>
TWD	Tapak Warisan Dunia
UCSCA	<i>United Chinese School's Committee's Association</i>
UCSTA	<i>United Chinese School Teacher's Association</i>
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UNESCO	<i>United Nation Educational, Scientific and Cultural Organization</i>
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xv

USM

Universiti Sains Malaysia

WTO

*World Tourism Organization*



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



## SENARAI LAMPIRAN

A	Gambar Tan Cheng Lock bersama pingat kebesarannya	260
B	Tun Tan Cheng Lock bersama Tunku Abdul Rahman ketika mengadakan Rundingan Baling di Baling, Kedah pada tahun 1960	261
C	Peta bandar Melaka pada tahun 1958	262
D	Jambatan Tam Kim Seng pada tahun 1920	263
E	Peta wilayah Fukien dan Kwangtung di selatan China (dalam bulatan merah)	264
F	Surat kepada Tun Tan Cheng Lock dari Mr. Tan Chin Yuen dari <i>Overseas-Chinese Banking Corporation Limited</i> bertarikh 11 Julai 1947	265
G	Surat kepada Tun Tan Cheng Lock dari Mr. Sim Peng Juey dari <i>Overseas-Chinese Banking Corporation Limited</i> bertarikh 12 Julai 1947	266
H	Surat kepada Tun Tan Cheng Lock dari Mr. Ong Thye Gee dari <i>Overseas-Chinese Banking Corporation Limited</i> bertarikh 10 Disember 1948	267
I	Muka depan <i>Federation of Malaya – A Short Guide to Citizenship Laws</i>	268
J	Hak Kewarganegaraan Persekutuan yang ditulis dalam bahasa Cina	269





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## BAB 1

### PENGENALAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

#### 1.1 Pendahuluan

Asia Tenggara berkeluasan  $4,545,792 \text{ km}^2$  yang mana terletaknya negeri Melaka dalam Malaysia berkeluasan  $1,664 \text{ km}^2$  telah menarik kedatangan orang Cina ke Semenanjung Tanah Melayu sejak awal abad ke-3 hingga abad ke-15 lagi. Menurut Suhaila Abdullah, terdapat catatan bukti sejarah yang menyatakan orang Cina dari negara China telah menjalinkan hubungan perdagangan dengan Tanah Melayu sejak awal tahun 221 S. M.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

lagi.<sup>1</sup> Penerokaan awal keturunan orang Cina awal di Tanah Melayu yang beralkulturasi<sup>2</sup> dengan penduduk tempatan yang membentuk identiti Baba Nyonya yang merupakan golongan peniaga yang datang ke nusantara dan kemudiannya merujuk ke Melaka untuk menjalankan aktiviti perdagangan selain menjalinkan hubungan baik dengan kerajaan dari China, India, Arab dan utara Afrika.<sup>3</sup> Perkara ini menunjukkan bahawa kegemilangan Melaka di Kepulauan Melayu sebagai pusat persinggahan para pedagang ternyata menjadi faktor penarik kerana kedudukan geografinya yang terlindung daripada tiupan angin monson bagi memudahkan pergerakan kapal dagang dari China ke bahagian barat dunia hingga ke India, Arab dan Afrika. Orang Cina ke nusantara lebih awal berbanding dengan kedatangan penjajahan Barat iaitu Portugis, Belanda dan Inggeris untuk berdagang hingga melahirkan identiti Baba Nyonya dan menetap di Melaka.<sup>4</sup> Perkembangan perdagangan yang dikaitkan dengan orang Cina yang berhijrah akhirnya berkahlwin campur dengan wanita tempatan yang menjadi bukti kukuh kepada pembentukan masyarakat Baba Nyonya di Melaka yang berasal daripada puak Hokkein dari wilayah Fukien dan Kwangtung.<sup>5</sup> Walau bagaimanapun, etnik ini dalam populasi awalnya bersifat minoriti dan berakhir

<sup>1</sup> Suhaila Abdullah, “Islam dalam Sejarah dan Pemikiran Masyarakat Peranakan Cina di Melaka”, (Serdang: Penerbit UPM, 2017), hlm 12.

<sup>2</sup> Beralkulturasi merupakan kata terbitan alkulturasi yang memberikan maksud satu proses atau tindakan kelompok dalam masyarakat yang berlainan atau berbeza budaya dengan menerima unsur kebudayaan dalam kalangan individu atau masyarakat lain yang berbeza hingga budaya tersebut diterima dan membentuk olahan budaya yang baharu yang tersendiri. Perkara ini dikaitkan dengan keturunan Cina awal yang datang ke Tanah Melayu yang kemudiannya membentuk identiti Baba Nyonya atau Peranakan Cina.

<sup>3</sup> Md. Bahrudin, et.al., “Hubungan geopolitik dan perdagangan alam Melayu dengan dunia Arab”, International Journal of Interdisciplinary and Strategic Studies, Vol 1, No.1, (Oktober 2020), 45-57 <https://doi.org/10.47548/ijistra.2020.25>.

<sup>4</sup> Ding Choo Ming, “Pantun Peranakan Baba: Mutiara Gemilang Negeri-Negeri Selat”, (Bangi: Penerbit UKM, 2008), hlm 36-37.

<sup>5</sup> Dobbin. C., “Batavia and the Peranakan Chinese 1619-1870” in Asian Enterpreneurial Minorities, (Eds) Dobbin. C, (Surrey: Curzon Press Ltd, 1996), hlm 55-56.

dengan berasimilasi<sup>6</sup> dengan budaya Melayu tempatan dan Inggeris. Oleh itu, konteks Cina pedagang menerusi orang Cina lelaki yang berdagang dan berniaga di Tanah Melayu yang keluar dari wilayah asalnya dan kemudian berkahwin dengan wanita tempatan hingga membentuk identiti Baba Nyonya di Melaka lebih menonjol dominasi kewujudannya dan kegemilangannya pada zaman awal penghijrahan, zaman penajah Portugis, Belanda, British dan zaman kemerdekaan Tanah Melayu hingga kini berdasarkan sumber primer dan sumber sekunder yang diterima pakai.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Kajian ini bertujuan untuk memahami tindak balas masyarakat Baba Nyonya di Melaka terhadap modenisasi, 1900-1957. Kajian yang dijalankan berdasarkan objektif yang telah digariskan agar selari dengan tajuk kajian dan dapatkan kajian akan lebih tersusun. Perubahan dan keupayaan untuk mengekalkan identiti Baba Nyonya telah menerima impak kesan modenisasi di kawasan kajian. Walau bagaimanapun perubahan yang diterima memaparkan kejayaan masyarakat Baba Nyonya yang dibina hasil kekuatan hasil nenek moyang mereka yang kemudiannya diwarisi oleh generasi kini. Terdapat tokoh-tokoh awal

---

<sup>6</sup> Asmilasi merupakan kata dasar yang memberikan pernyataan maksud proses penggabungan atau percantuman budaya masyarakat yang asalnya pelbagai di sesuatu tempat yang berbeza-beza amalan budayanya hingga membentuk identiti masyarakat yang baharu. Walau bagaimanapun, proses asimilasi ini berlaku mengikut tempoh yang lama dan berlaku peningkatan kepada persamaan masyarakat yang difaktorkan melalui interaksi antara kedua-duanya dalam masyarakat. Lihat juga dlm Ishak Saat, "Malaysia 1945-2000", (KL: Utusan Publications Sdn. Bhd., 2009), hlm 190-192 dan Ahmad Zamil Abd. Khalid et.al., "Penghayatan Etika dan Peradaban", (Sintok: Penerbit UUM, 2021), hlm 68.

masyarakat Baba Nyonya di Melaka yang menjadi perintis kepada kejayaan galur keturunan seperti Tan Kim Seng, Tan Chay Yan dan Tun Tan Cheng Lock.<sup>7</sup>

Menurut Tan Teong Jin menyatakan pelaut Cina telah datang ke Tanah Melayu untuk memperoleh sumber minyak wangi daripada sejenis pokok yang bernama *huo hsiang*.<sup>8</sup> Hal ini dibuktikan melalui kedatangan dan penghijrahan orang Cina ke Tanah Melayu atas urusan perdagangan dan bermiaga yang membawa kepada perhubungan dagangan antara China, Timur Tengah dan Afrika yang dihubungkan oleh Kepulauan Melayu. Kenyataan ini disokong oleh Tan Chee Beng dalam bukunya *Chinese Peranakan Heritage in Malaysia and Singapore* iaitu negara China mempunyai hubungan sejarah yang panjang dengan Asia Tenggara terutamanya di Kepulauan Melayu dan telah meletakkan asas perkahwinan campur dengan wanita tempatan sebagai landasan interaksi antara penduduk tempatan telah membentuk pengaruh awal orang Cina dengan pengaruh tempatan melalui alkulturasi dan asimilasi.<sup>9</sup> Wanita tempatan di sini merujuk kepada wanita yang dikahwini yang terdiri kalangan wanita Batak atau Bali.<sup>10</sup> Perkara ini jelas membuktikan perkahwinan campur yang berlaku pada awalnya bukan terkait dengan wanita di Melaka tetapi kalangan wanita yang ada di Melaka yang terdiri dari kalangan wanita Batak atau Bali.

<sup>7</sup> “Biographical Sketch of Tan Cheng Lock, C.B.E., TP.,” 21 November 1947, 2002/0022423, Arkib Negara Malaysia.

<sup>8</sup> Tan Teong Jin, et.al., “The Chinese Malaysian Contribution”, (KL: Centre for Malaysian Chinese Studies, 2005), hlm 3.

<sup>9</sup> Tan Chee Beng, “Chinese Peranakan Heritage in Malaysia and Singapore”, (KL: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1993), hlm ix.

<sup>10</sup> Jimmy Khoo Seng Kiong, “Background of Baba Nyonya Society and Development in Melaka” dlm Himpunan Kertas Kerja Seminar Pengkisahan Melaka 2003-2006, (Melaka: PERZIM, 2008), hlm 172.

Pelabuhan *entreport* Melaka telah menjadi titik pertemuan yang bukan sahaja berdasarkan aktiviti perniagaan dan pentadbiran semata-mata malahan tumpuan melibatkan aspek kesantunan dan asimilasi sejarah awal, budaya, agama, bahasa dan sastera dari serata dunia dari pelbagai lapisan masyarakat di Melaka hingga kedatangan penjajah Barat. Ini dibuktikan dengan peranan yang dimainkan oleh Laksamana Zheng He yang telah datang ke Melaka pada abad ke-15 sebanyak tujuh kali atas urusan perdagangan dan hubungan diplomatik arahan Maharaja China selain membawa ratusan orang Cina lelaki dalam pelayaran tersebut.<sup>11</sup> Perkara ini juga menguatkan lagi akar asas perkahwinan campur melalui hubungan diplomatik dengan Sultan Mansur Shah dengan Puteri Hang Li Poh yang dikatakan membentuk masyarakat Baba Nyonya di Melaka dan mulai tinggal menetap di Bukit Cina, Melaka.<sup>12</sup> Penjajahan Portugis, Belanda dan Inggeris tidak menjaskan orang Cina di Melaka malahan mereka telah tinggal menetap lama berdasarkan rekod Portugis dan Belanda hingga terbentuk satu perkampungan orang Cina yang dirujuk sebagai “Kampung Cina” berdasarkan rekod Portugis pada awal abad ke-17.<sup>13</sup> Peningkatan orang Cina di Melaka antara 300 hingga 400 orang yang terdiri daripada pedagang, petukang dan nelayan. Menurut rekod Belanda terdapat sekitar 2160 orang Cina di Melaka tetapi terdapat penurunan apabila Pulau Pinang dibuka oleh Francis Light dan pembukaan Singapura yang menarik minat orang Cina berhijrah atas perkembangan perniagaan dan pembukaan kawasan baharu dan meninggalkan Melaka.

<sup>11</sup> Suhaila Abdullah, “*Islam dalam Sejarah dan Pemikiran Masyarakat Peranakan Cina di Melaka*”, (Serdang, Penerbit UPM, 2017), hlm 12.

<sup>12</sup> Ee Kim Tiam, “*The Hokkien (Fujian) Community of Melaka*” dlm Himpunan Seminar Pengkisahan Melaka 2003-2006”, (Melaka: PERZIM, 2008), hlm 498. Lihat juga Suhaila Abdullah, “*Islam dalam Sejarah dan Pemikiran Masyarakat Peranakan Cina di Melaka*”, (Serdang: Penerbit UPM, 2017), hlm 16.

<sup>13</sup> Jimmy Khoo Seng Kiong, “*Background of Baba Nyonya Society and Development in Melaka*” dlm Himpunan Kertas Kerja Seminar Pengkisahan Melaka 2003-2006, (Melaka: PERZIM, 2008), hlm 172.

Walau bagaimanapun, persaingan antara Pulau Pinang dan Singapura tidak menjelaskan orang Cina di bandar Melaka pada zaman penjajahan British dan bertambah sebanyak 4000 orang dan mulai menerokai kawasan lain di pinggir bandar Melaka seperti Bukit Rambai, Pantai Belimbing dan Kandang.<sup>14</sup> Walau bagaimanapun, kegiatan awal orang Cina sebagai peniaga dan pedagang telah membuka lembaran baharu dalam perniagaan komersial runcit dan borong di kawasan rumah kedai yang dibeli di *Heeren Street* (kini Jalan Tun Tan Cheng Lock).<sup>15</sup> Penjajah Belanda meninggalkan bandar Melaka kesan daripada Perjanjian Inggeris-Belanda pada tahun 1824 atas kepentingan perdagangan bebas oleh British dan perdagangan monopoli oleh Belanda yang banyak memaparkan perubahan kronologi dari segi penguasaan ekonomi dan pentadbiran.<sup>16</sup> Kampung Belanda yang asalnya merupakan teres penempatan pegawai Belanda telah diambil alih oleh orang kaya Peranakan *Sino-Malay* dan Cina untuk dijadikan kawasan penempatan mereka yang akhirnya telah menjadi berkembang dan sinonim dengan identiti masyarakat Baba Nyonya di Melaka hingga kini.<sup>17</sup> Oleh itu, tidak hairanlah Jalan Tun Tan Cheng Lock (dahulunya *Heeren Street*) telah menjadi faktor utama pengenalan kepada perkembangan identiti awal masyarakat Baba Nyonya di Melaka apabila terdapatnya pelopor kepada beberapa kejayaan tokoh masyarakat Baba Nyonya dalam bidang politik dan sosioekonomi di Melaka.

<sup>14</sup> Jimmy Khoo Seng Kiong, “Background of Baba Nyonya Society and Development in Melaka” dlm Himpunan Kertas Kerja Seminar Pengkisahan Melaka 2003-2006, (Melaka: PERZIM, 2008), hlm 172. Lihat juga Tan Chee Beng, “The Baba of Melaka: Culture and Identity of a Chinese Peranakan Community in Malaysia” (Petaling Jaya: Pelanduk Publication Sdn. Bhd., 2021), hlm 68.

<sup>15</sup> Jimmy Khoo Seng Kiong, “Background of Baba Nyonya Society and Development in Melaka” dlm Himpunan Kertas Kerja Seminar Pengkisahan Melaka 2003-2006, (Melaka: PERZIM, 2008), hlm 173.

<sup>16</sup> Anthony Ried, “The Contest of North Sumatra Aceh: The Natherland and Britain 1858-1898”, (Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1963), hlm 12.

<sup>17</sup> Dennis De Witt, *History of The Dutch in Malaysia*, (PJ: Nutmeg Publishing, 2007), hlm 136.



Bandar Melaka merupakan damaaan pembentukan asimilasi, alkulturasi dan penerimaan budaya tempatan dengan budaya Cina yang digarapkan sejak zaman awal penghijrahan orang Cina. Signifikan kajian ini memberikan penumpuan terhadap negeri Melaka bagi melihat gambaran kepada tindakbalas masyarakat Baba Nyonya yang telah melahirkan perintis-perintis kejayaan masyarakat Baba Nyonya yang kini bertebaran sekitar bandar Melaka dan pinggir bandar. Selain itu, perintis-pertintis ini telah juga melebarkan kejayaan besar kepada negara yang turut membawa nama Baba Nyonya di Pulau Pinang dan Singapura sebagai kesinambungan masyarakat Baba Nyonya di Melaka.

### 1.3 Permasalahan Kajian



Penghijrahan dan kejayaan yang dicapai oleh masyarakat Baba Nyonya di bandar Melaka tidak boleh disangkal sejak zaman awal Kesultanan Melayu Melaka di alam Melayu sehingga kedatangan penajah Barat seperti Portugis, Belanda dan British diikuti impak daripada Perang Dunia Kedua, pendudukan Jepun, kekejaman Parti Komunis Malaya (PKM) sehingga menjelang kemerdekaan Tanah Melayu. Perkembangan awal masyarakat Baba Nyonya dalam bidang perdagangan dan perniagaan telah membentuk satu komuniti klan (keturunan) kalangan suku Hokkien daripada daerah Fukien dan Kwangtung yang mendapat perhatian dalam komuniti masyarakat di Melaka. Hubungan diplomatik dan perdagangan yang dibuat oleh Laksamana Yin Ching dan utusan diraja oleh Laksamana Zheng He dengan sultan Melaka telah membina satu penempatan awal orang Cina di Bukit Cina. Penguasaan komuniti Baba Nyonya di penempatan teres milik dan tinggalan penajah



Belanda<sup>18</sup> yang berprestij di *Heeren Street*<sup>19</sup> (kini Jalan Tun Tan Cheng Lock) dan *Jonker Street* (kini Jalan Hang Jebat) telah menunjukkan status pemilikan kekal yang dominan berbanding kaum lain yang ada di bandar Melaka.<sup>20</sup> Pusat perniagaan dan kediaman berprestij di kedua-dua jalan tersebut dinoktahkan buat masyarakat Baba Nyonya yang kaya raya hasil daripada kegiatan perdagangan, perniagaan dan penguasaan ekonomi yang sentiasa dimanfaat secara berterusan termasuk industri penanaman getah yang terkait dengan perubahan modenisasi yang berlaku di Melaka khasnya. Kehidupan masyarakat Baba Nyonya di Melaka dikatakan berasimilasi dan beralkulturasi dengan budaya dan adat resam tempatan kalangan orang Melayu di Melaka sehingga membentuk satu identiti sepunya yang tersendiri dan unik berlainan dengan Cina “sinkeh” yang dibawa oleh British untuk eksplorasi buruh dan ekonomi kapitalisme. Walau bagaimanapun, perubahan politik di Tanah Melayu selepas Perang Dunia Kedua banyak memberikan impak kepada perjuangan pemimpin masyarakat Baba Nyonya di Melaka seperti yang digembangkan oleh Tan Cheng Lock. Walau masyarakat Baba Nyonya diiktiraf mempunyai taraf kerakyatan British dan berpendidikan Inggeris tetapi isu kerakyatan tersebut menjadi pasak utama perjuangan pemimpin Baba Nyonya dalam meletakkan taraf yang sama dengan penduduk tempatan iaitu orang Melayu sebagai “rakyat” raja Melayu di Tanah Melayu. Pendudukan Jepun dan ancaman kekejaman Parti Komunis Malaya terhadap ekonomi dan

<sup>18</sup> Nordin Hussin, “*Trade and Society in The Straits of Melaka: Dutch Melaka and English Penang, 1780-1830*”, (NUS: Nias Press, 2009), hlm 203.

<sup>19</sup> “*Heeren Street*” dalam terjemahan Belanda-Inggeris bermaksud “First-Class Gentleman Street” yang menjadi tumpuan perdagang untuk berniaga dan kawasan rumah disini telah dibina teres perumahan bagi memudahkan kegiatan tersebut dijalankan dan rumah-rumah teres yang dibina dengan menggunakan batu bata. Lihat juga Dennis De Witt, *History of the Dutch in Malaysia*”, (PJ: Nutmeg Publishing, 2007), hlm 134.

<sup>20</sup> Kajian lepas yang telah dijalankan oleh Tan Chee Beng dan Felix Chia dijadikan rujukan utama yang berkaitan dengan masyarakat Baba Nyonya di Melaka.



perubahan sosial masyarakat Baba Nyonya merupakan tekanan berpanjangan apatah lagi kekeliruan perjuangan sebenar antara Baba Nyonya dengan Cina bukan Baba yang dilabel sebagai Orang Cina Bukan Cina (OCBC) sehingga hampir melemahkan kekuatan yang sedia ada sebelum ini. Namun usaha tekal pemimpin Baba Nyonya seperti Tan Cheng Lock dalam testamen arus politiknya untuk kekal relevan dan berdaya saing seperti dahulu telah dizahirkan dengan cemerlang bersama Parti Perikatan (UMNO-MCA-MIC) dalam memperjuangkan nasib bangsanya, menyatukan dan menanamkan kepercayaan taat setia orang Cina “sinkeh” yang berpaksikan negara China terhadap Tanah Melayu, perjuangan pendidikan bahasa ibunda dan hak kerakyatan bagi orang asing yang tinggal di dalam Tanah Melayu selepas British bersetuju untuk memberikan Tanah Melayu bebas dan berkerajaan sendiri. Impaknya, pencapaian dan ketekalan pemimpin Baba Nyonya sejak dari zaman awal sehingga tokoh anak jati Melaka yang terkenal iaitu Tan Cheng Lock telah menjadi figura dalam meneruskan perjuangan bagi masyarakat Baba Nyonya yang sangat berjaya dalam lipatan sejarah.

Oleh itu, perkara yang digariskan di atas telah memberikan minat kepada saya untuk memberikan fokus penyelidikan kepada tindak balas masyarakat Baba Nyonya terhadap modenisasi di Melaka, 1900 sehingga 1957. Kajian yang dijalankan boleh memberikan bantuan kepada pelbagai pihak dengan menganalisis maklumat mutakhir yang dikongsikan hasil penyelidikan untuk dijadikan panduan dalam melaksanakan penilaian dan mengatasi masalah yang timbul berkaitan dengan tindak balas modenisasi terhadap masyarakat Baba Nyonya di Melaka sekitar tahun 1900 sehingga 1957. Maklumat yang





diperolehi akan dianalisis bagi mendukung kesahihan fakta sejarah dengan skop kajian dan tajuk yang dibincangkan.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Objektif bagi kajian ini adalah seperti yang disenaraikan dibawah dan akan menjadi panduan bagi mencapai matlamat akhir kajian ini:

- 1.4.1 Membincangkan latar belakang masyarakat Baba Nyonya di Melaka 1900-1957
- 1.4.2 Mengkaji kesan modenisasi yang mempengaruhi penempatan masyarakat Baba Nyonya di Melaka 1900-1957.
- 1.4.3 Menganalisis perbezaan antara kehidupan masyarakat Baba Nyonya di Melaka 1900-1957.
- 1.4.4 Menilai isu dan cabaran masyarakat Baba Nyonya di Melaka 1900-1957.

#### **1.5 Skop Kajian**

Mengikut kajian penyelidikan yang dijalankan akan memberikan tumpuan kepada Masyarakat Baba Nyonya di Melaka dan beberapa buah kawasan pinggir bandar Melaka seperti di Bukit Rambai, Kandang, Bukit Baru dan Klebang yang melibatkan tahun yang dirujuk supaya kajian tidak menyimpang daripada menjawab objektif kajian yang telah



digariskan. Pemilihan kawasan di negeri Melaka untuk melihat tindak balas masyarakat Baba Nyonya terhadap modenisasi di Melaka bermula 1900 sehingga 1957. Kajian yang dijalankan akan dapat melihat tindak balas masyarakat Baba Nyonya terhadap modenisasi di Melaka yang telah melahirkan kejayaan tokoh dan pelopor kepada masyarakat Baba Nyonya di Melaka yang berjaya seperti Tan Cheng Lock, Tan Kim Seng dan Tan Chay Yan.

### 1.5.1 Skop Masa

Skop masa yang dipilih bermula tahun 1900 sehingga tahun 1957 di Melaka. Pemilihan garis masa tersebut untuk melihat perubahan yang dialami oleh Baba Nyonya di Melaka pada zaman awal Melaka selepas zaman penjajahan Portugis dan Belanda. Peralihan kuasa penjajahan dari Belanda ke British dapat merungkaikan hubungan rapat masyarakat Baba Nyonya dengan British hingga membentuk identiti yang kukuh dan berpengaruh. Ekonomi kapitalis yang diperkenalkan oleh British telah membuka ruang kepada Baba Nyonya untuk melibatkan diri sebagai agen pemodal di Negeri-Negeri Selat hingga mengukuhkan lagi kedudukannya dalam pegangan ekonomi di Melaka. Kemasukan gelombang kedua buruh Cina pada pertengahan abad ke-19 telah memberikan kesan terhadap perubahan identiti Baba Nyonya dan migrasi pendatang baharu atau Cina “sinkeh”. Garis limitasi masa berakhir pada tahun 1957 adalah untuk melihat peranan Baba Nyonya dalam perkembangan politik dan sosioekonomi selain untuk menyatukan Baba Nyonya dengan Cina sinkeh oleh tokoh dan pelopor Baba Nyonya seperti Tun Tan Cheng Lock. Indikasi



membuat pemilihan berdasarkan skop masa tersebut kerana dapat melihat perubahan awal kehidupan masyarakat Baba Nyonya yang sudah menerima asimilasi dan alkulturasi pengaruh Melayu dalam kehidupannya dan disulami dengan pengaruh British dalam budaya hidup, pendidikan, keupayaan untuk mentadbir, perkahwinan campur, taraf kerakyatan dan peralihan identiti dengan kemasukan migrasi pendatang baharu “sinkeh” atau Cina totok oleh British atas sebab ekonomi dan melihat kejayaan-kejayaan yang dilakukan oleh generasi awal Baba Nyonya untuk membuat perbandingan dengan waris pelopor Baba Nyonya yang berada di Melaka yang menerima perubahan daripada kesan modenisasi mengikut limitasi tahun yang dinyatakan.



Berpandukan kepada penyelidikan yang dijalankan, kajian memberikan tumpuan ke atas masyarakat Baba Nyonya yang berada di Melaka iaitu di bandar Melaka selain beberapa kawasan di pinggir bandar Melaka yang dikenal pasti antaranya di Bukit Rambai, Kandang, Bukit Baru dan Klebang berdasarkan kajian penyelidikan yang lepas oleh Felix Chia dan Tan Chee Beng, J. D. Vaughan, Ding Choo Ming, J. R. Clammer, Leo Suryadinata, Victor Purcell, Pue Giok Hun dan Oong Hak Ching. Negeri Melaka juga sinonim dengan kesinambungan kehidupan masyarakat Baba Nyonya pada zaman awal hingga masa kini kesan daripada modenisasi berdasarkan kejayaan-kejayaan yang dilakukan oleh tokoh dan pelopor Baba Nyonya di Melaka.





## 1.6 Kepentingan Kajian

Kajian kesan modenisasi terhadap masyarakat Baba Nyonya di Melaka sekitar tahun 1900 sehingga tahun 1957 adalah untuk melihat perkembangan masyarakat Baba Nyonya yang melahirkan tokoh dan pelopor sehingga menjadi kebanggaan kepada generasi Baba Nyonya di Melaka. Kajian lepas yang dijalankan dapat melihat sejarah awal kewujudan dan kegiatan yang dijalankan untuk didokumentasikan kepentingan sejarahnya bagi tujuan penyelidikan sejarah berkaitan masyarakat Baba Nyonya di negeri Melaka. Di samping itu, kajian ini akan dapat menilai kejayaan yang dipelopori oleh tokoh-tokoh Baba Nyonya di Melaka yang telah banyak memberikan sumbangan kepada negeri Melaka khasnya dan Malaysia amnya dalam bidang politik, sosial dan ekonomi.



Masyarakat Baba Nyonya merupakan komuniti masyarakat dalam negeri Melaka yang perlu mendapat perhatian oleh pihak kerajaan negeri Melaka dalam usaha membugarkan lagi sejarah masyarakat dan kehidupan Baba Nyonya untuk tatapan generasi muda dan generasi akan datang. Kecekapan pengurusan dalam bidang ekonomi seperti syarikat perkapalan wap, perladangan, perbankan, perlombongan, kedudukan politik dan sosialnya juga perlu diketengahkan agar dapat melahirkan tokoh-tokoh baharu dalam dunia perniagaan di Malaysia. Diharapkan kajian yang dijalankan dapat membantu proses pendokumentasian dan menjadi rujukan ilmiah kepada bakal penyelidik sejarah untuk mengkaji dengan berpandukan kepada kriteria-kriteria lain dan penambahbaikan berkaitan masyarakat Baba Nyonya di Melaka.





Kehidupan masyarakat Baba Nyonya di Melaka merupakan pewaris kepada deretan bangunan rumah kedai lama yang mempunyai nilai sejarah senibina Belanda dan kesan modenisasi serta pembangunan moden dilakukan di kawasan tersebut telah memberikan impak kepada bangunan bersejarah. Ciri-ciri bangunan lama ini merupakan warisan yang tinggal sebagai kenangan untuk tatapan generasi akan datang bagi mengenang sejarah penjajahan Barat dan kawasan yang menjadi tumpuan pusat perniagaan yang hebat suatu ketika dulu hingga sekarang oleh masyarakat Baba Nyonya. Oleh itu, pemeliharaan dan pemuliharaan bangunan lama perlu dikaji dan didokumentasikan tipologi bangunan yang dimiliki oleh masyarakat Baba Nyonya dari sudut sejarah lampau yang banyak mewarnai kehidupan masyarakatnya. Ahli sejarah dan para arkitek moden perlu mengambil langkah pemeliharaan dan pemuliharaan yang perlu dijalankan seiring dengan pengiktirafan Tapak Warisan Dunia (TWD) oleh UNESCO sejak tahun 2008 supaya pengekalan dan keutuhan pemilikan masyarakat Baba Nyonya di Melaka kekal dinamik sepertimana sumbangan dan kejayaan masyarakat mereka dahulu.

## 1.7 Sorotan Literatur

Bagi memantapkan lagi kajian, sorotan literatur dijadikan sebagai wadah dalam mendapatkan maklumat serta perspektif awal dalam kajian yang dijalankan. Penyelidikan yang dijalankan melibatkan pembacaan dan penerokaan bahan rujukan berpandukan sumber sekunder yang terdiri daripada artikel, jurnal, buku, tesis kajian penyelidikan lepas dan kertas kerja yang dalamnya terdapat pembentangan seminar, persidangan dan



prosiding. Pembacaan secara terperinci juga melibatkan bahan berkaitan Baba Nyonya, perkembangan zaman awal, pencapaian dan sumbangsan masyarakat Baba Nyonya serta pencapaiannya khususnya di Melaka.

Beberapa kajian terdahulu<sup>21</sup> telah mendedahkan tentang asal usul Baba Nyonya di Melaka dan kajian tersebut menjelaskan asal usul Baba Nyonya dikaitkan mengikut klasifikasi zaman oleh Felix Chia dalam bukunya iaitu “*Ala Sayang!*” iaitu mengikut sejarah Melaka iaitu (i) zaman Melayu di bawah pemerintahan Siam dan hubungan dengan kerajaan China, (ii) zaman Portugis, (iii) zaman Belanda, (iv) zaman British dan pembentukan Negeri-Negeri Selat (NNS).<sup>22</sup> Tan Chee Beng dalam bukunya “*The Baba of Melaka: Culture and Identity of a Chinese Peranakan Community in Malaysia*” menyatakan asal usul Baba Nyonya berlandaskan rekod China dan Belanda yang dibuktikan melalui tokoh figura hubungan perdagangan dan diplomatik serta perkahwinan campur yang berlaku oleh Laksamana Zheng He yang membawa ramai orang Cina lelaki ke Tanah Melayu berdasarkan rekod Cina oleh Wang Dayun yang merupakan seorang pedagang ke Singapura dengan menunjukkan data seramai 30 orang Cina berada di Singapura (Temasik) berbanding 150 populasi yang terdiri daripada orang Melayu.<sup>23</sup> Walaupun begitu, kajian Suhaila Abdullah dalam buku “*Islam dalam Sejarah dan Pemikiran Masyarakat Peranakan Cina di Melaka*” menyatakan urusan rasmi tersebut dimulakan oleh Laksamana Yin Ching dan disusuli oleh Laksamana Zheng He pada abad

<sup>21</sup> Kajian lepas berkaitan dengan masyarakat Baba Nyonya di Melaka telah dijalankan oleh Tan Chee Beng, Felix Chia, J. D. Vaughan, J. R. Clammer, Ding Choo Ming, Oong Hak Ching, Pue Giok Hun dan Leo Suryadinata.

<sup>22</sup> Felix Chia, “*Ala Sayang!*”, (PJ: Eastern Universities Press Sdn. Bhd., 1983), hlm 2-8.

<sup>23</sup> Tan Chee Beng, “*The Baba of Melaka*”: *Culture and Identity of a Chinese Peranakan Community in Malaysia*”, (Petaling Jaya: Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd., 2021), hlm 28.

ke-15 yang mana kedua-dua pandangan tersebut telah mencorakkan hubungan diplomatik dan perkahwinan campur antara Sultan Mansur Shah dengan Puteri Hang Li Poh juga perkahwinan lelaki Cina dengan wanita tempatan yang di bawa semasa pelayaran ke Laut Nanyang.<sup>24</sup>

Kajian Ding Choo Ming dalam buku “*Pantun Peranakan Baba Mutiara Negeri-Negeri Selat*” menegaskan bahawa Laksamana Zheng He ke Nanyang (Laut Selatan) yang telah membentuk penghijrahan orang Cina ke Indonesia, Tanah Melayu, Borneo, Kalimantan dan Thailand dan mulai tinggal menetap khususnya di Melaka.<sup>25</sup> Hal ini dibuktikan oleh kajian Purcell dalam buku “*Orang-Orang Cina di Tanah Melayu*” menyebut tentang gaya hidup orang Cina yang suka memakan daging babi dan kelihatan cerah bagi membezakannya dengan orang Melayu dan tinggal sebagai pemastautin tetap di Melaka malah diperkuuhkan lagi dengan perkahwinan melalui hubungan diplomatik antara kerajaan dengan Puteri Hang Liu<sup>26</sup> dan kemudiannya membina penempatan awal di Bukit Cina.<sup>27</sup>

Penggunaan klasifikasi zaman dapat menunjukkan dengan jelas tentang perkembangan orang Cina di Melaka. Hal ini diketengahkan oleh kajian Felix Chia dalam

<sup>24</sup> Suhaila Abdullah, “*Islam dalam Sejarah dan Pemikiran Masyarakat Peranakan Cina di Melaka*”, (Serdang: Penerbit UPM, 2017), hlm 12.

<sup>25</sup> Ding Choo Ming, “*Pantun Peranakan Baba Mutiara Negeri-Negeri Selat*”, (Bangi: Penerbit UKM, 2008), hlm 39.

<sup>26</sup> Wujud perbezaan berdasarkan kajian penyelidikan lepas oleh pengkaji-pengkaji berkaitan nama puteri dari China tersebut, Tan Chee Beng menyebut Puteri Hang Liu, Suhaila Abdullah menyebut Puteri Hang Li Poh manakala ada yang menyebut sebagai Hong Li-po oleh Leyden dan Hang Li-Poh oleh Shellabear.

<sup>27</sup> Victor Purcell, “*Orang-Orang Cina di Tanah Melayu*” (terj) Nik Hasnaa Nik Mahmood, (Skudai: Penerbit UTM, 1997), hlm 21-22.

buku “*Ala! Sayang*“ yang menyentuh tentang kekerasan pemerintahan Dinasti Machu yang membawa kepada penghijrahan orang Cina. Hal ini disokong oleh kajian Tan Chee Beng dalam buku yang meletakkan zaman penjajahan Belanda pada tahun 1641 dengan merujuk kepada peniaga dagangan kecil yang berjaya di Melaka iaitu seorang Kapitan Cina bernama Tin Kap yang dikenali sebagai Zheng Fang kemudian disusuli oleh Kapitan Li Kap yang berasal dari Amoy yang berketurunan Hokkien dan berjaya memperolehi Bukit Cina sebagai tanah perkuburan orang Cina di Melaka.<sup>28</sup> Kajian Suhaila Abdullah dalam buku “*Islam dalam Sejarah dan Pemikiran Masyarakat Peranakan Cina di Melaka*”, menyebut nama Zheng Fang dalam kajiannya sebagai kapitan Cina di Melaka yang meninggal dunia pada tahun 1677 yang telah membuktikan kehadiran awal orang Cina di Melaka<sup>29</sup> dan kajian Tan Chee Beng dalam buku “*Chinese Peranakan Heritage in Malaysia and Singapore*” juga menyatakan berkaitan kubur bertarikh 1622 di Bukit Cina yang membuktikan keberadaan orang Cina awal di Melaka.<sup>30</sup>

Wujud persamaan kajian berkaitan aktiviti ekonomi yang dijalankan pada zaman awal Baba Nyonya di Melaka oleh kajian Tan Chee Beng dalam buku “*The Baba of Melaka: Culture and Identity of a Chinese Peranakan Community in Malaysia*“ dan Khoo Joo Ee yang dapat dilihat melalui usaha Belanda membawa masuk orang Cina dari Batavia untuk mengusahakan ladang selain berkhidmat sebagai tentera Belanda pada abad ke-18

---

<sup>28</sup> Tan Chee Beng, “*The Baba of Melaka: Culture and Identity of a Chinese Peranakan Community in Malaysia*”, (Petaling Jaya: Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd., 2021), hlm 31-32.

<sup>29</sup> Suhaila Abdullah, “*Islam dalam Sejarah dan Pemikiran Masyarakat Peranakan Cina di Melaka*”, (Serdang: Penerbit UPM, 2017), hlm 18.

<sup>30</sup> Tan Chee Beng, “*Chinese Peranakan Heritage in Malaysia and Singapore*”, (KL: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1993), hlm 60-61.

dan khidmat tentera ini semakin berkurangan pada akhir pemerintahan Belanda<sup>31</sup> manakala kajian Khoo Joo Ee dalam buku “*The Straits Chinese: A Cultural History*” menyatakan peniaga dan pekedai Baba merupakan seorang usahawan yang dapat menyediakan modal dan inisiatif kepada penggunaan teknologi dengan pengenalan kepada penanaman lada, buah pala, gambir, sagu, nanas dan sayur-sayuran.<sup>32</sup> Selain itu, kajian Dennis De Witt dalam buku “*History of The Dutch in Malaysia*” menyatakan lokasi di *Heeren Street* (kini Jalan Tun Tan Cheng Lock) merupakan kawasan perkampungan orang Belanda dan pegawai-pegawai kerajaan dan kemudiannya menjadi tempat tinggal elit bagi masyarakat Baba Nyonya dan dalam masa sama dijadikan sebagai pusat perniagaan bertentangan jalan tersebut yang dikenali sebagai *Jonker Street* (kini Jalan Hang Jebat).<sup>33</sup>



Kajian Tan Chee Beng dalam buku “*The Baba of Melaka: Culture and Identity of a Chinese Peranakan Community in Malaysia*”, menyatakan pembangunan ekonomi dan bukti perkembangan orang Cina di Negeri-Negeri Selat pada tahun 1826 yang telah memberikan ruang perkembangan perusahaan komersial yang dibentuk oleh ahli perniagaan Cina yang dominan di Negeri-Negeri Selat pada ketika itu yang berkembang menjadi pusat ekonomi sehingga melahirkan beberapa tokoh terkenal dalam sektor ekonomi seperti Tan Chay Yan dan Tan Cheng Lock.<sup>34</sup> Penulisan ini memperlihatkan persamaan oleh kajian Ding Choo Ming dalam bukunya “*Pantun Peranakan Baba Mutiara*

<sup>31</sup> Tan Chee Beng, “*The Baba of Melaka: Culture and Identity of a Chinese Peranakan Community in Malaysia*”, (Petaling Jaya: Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd., 2021), hlm 33.

<sup>32</sup> Khoo Joo Ee, “*The Straits Chinese: A Cultural History*”, (Amsterdam & KL: The Pepin Press, 1996), hlm 24.

<sup>33</sup> Dennis De Witt, “*History of The Dutch in Malaysia*”, (PJ: Nutmeg Publishing, 2007), hlm 141.

<sup>34</sup> Tan Chee Beng, “*The Baba of Melaka: Culture and Identity of a Chinese Peranakan Community in Malaysia*”, (Petaling Jaya: Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd., 2021), hlm, 48.

*Negeri-Negeri Selat* menyatakan British merupakan pengatur utama dalam pengenalan ekonomi dan politik apabila berlakunya Revolusi Taipan yang menyumbang kepada penghijrahan orang Cina ke Tanah Melayu<sup>35</sup> dan perkara ini juga ditulis dalam buku “*Ala Sayang!*” kajian Felix Chia iaitu penghijrahan besar-besaran orang Cina pada abad ke-19 dan abad ke-20 kerana terlibat dengan buruh ekonomi oleh British yang dikaitkan dengan Cina “sinkeh” atau pendatang baharu yang dapat memberikan label yang lain kepada masyarakat Baba Nyonya.<sup>36</sup>

Kajian Tan Chee Beng dalam buku “*The Baba of Melaka*”: *Culture and Identity of a Chinese Peranakan Community in Malaysia* menyatakan pembentukan masyarakat Baba Nyonya di Melaka dikaitkan dengan perkahwinan campur dengan masyarakat tempatan yang akhirnya membentuk identiti Baba Melayu yang tersendiri dalam penggunaan bahasa Melayu Baba Nyonya yang diasimilasikan dengan budaya dan bahasa tempatan orang Melayu.<sup>37</sup> Kajian oleh Ding Choo Ming juga dalam bukunya “*Pantun Peranakan Baba Mutiara Negeri-Negeri Selat*” menyatakan Baba Nyonya telah membentuk komuniti yang stabil dalam penggunaan bahasa Melayu yang akhirnya menjadikan bahasa tersebut sebagai bahasa ibunda sepunya melalui perkataan yang direkacipta khas untuk Baba Nyonya bertutur tetapi masih mempunyai maksud yang sama dan berbeza dari segi morfologi, fonologi, sintaksis dan semantik.<sup>38</sup> Walau bagaimanapun

<sup>35</sup> Ding Choo Ming, “*Pantun Peranakan Baba Mutiara Negeri-Negeri Selat*”, (Bangi: Penerbit UKM, 2008), hlm 38.

<sup>36</sup> Felix Chia, “*Ala Sayang!*”, (PJ: Eastern Universities Press Sdn. Bhd., 1983), hlm 16.

<sup>37</sup> Tan Chee Beng, “*The Baba of Melaka*”: *Culture and Identity of a Chinese Peranakan Community in Malaysia*”, (Petaling Jaya: Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd., 2021), hlm 122-124.

<sup>38</sup> Ding Choo Ming, “*Pantun Peranakan Baba Mutiara Negeri-Negeri Selat*”, (Bangi: Penerbit UKM, 2008), hlm 57.

pembentukan bahasa ini disebut sebagai dialek Melayu cuma berbeza dari segi sebutan. Selain itu, kajian Oong Hak Ching dalam penulisan dissertasinya “*Pengkajian Beberapa Aspek Masyarakat China Peranakan di Negeri-Negeri Selat, 1900-1940*”, menyatakan aspek yang membawa asimilasi dalam menyesuaikan kehidupan masyarakat Baba Nyonya kalangan persekitaran orang tempatan (Melayu) bermula dari latar belakang Baba Nyonya di Negeri-Negeri Selat, bahasa yang digunakan, kehidupan yang diamalkan, anutan agama dan pandangan politik terutamanya oleh Tan Cheng Lock yang merupakan figura berketurunan Baba Nyonya di Melaka.<sup>39</sup>

Perkembangan ekonomi masyarakat Baba Nyonya juga dikaji oleh William Tai Yuen dalam buku “*Chinese Capitalism in Colonial Malaya, 1900-1941*” menyatakan perkembangan dan pencapaian ekonomi Baba Nyonya di Melaka bermula daripada usaha awal perlombongan bijih timah dan diikuti perkembangan dan tokoh figura dalam pertanian ladang getah, perkembangan industri kapal wap dan kegiatan pajak gadai yang berkembang menjadi industri kewangan tempatan perbankan yang menunjukkan permulaan dominasi ekonomi oleh Baba Nyonya.<sup>40</sup> Walau bagaimanapun, persaingan sebagai pemain industri dalam perkembangan ekonomi turut dipengaruhi oleh kerjasama antara Baba Nyonya dengan Cina bukan Baba dan pelabur Eropah di Melaka manakala J. D. Vaughan dalam bukunya “*The Manners and Customs of The Chinese*” menunjukkan orang Cina “sinkeh” menjaga keluarga yang berada di China dengan menghantar kiriman

<sup>39</sup> Oong Hak Ching, “*Pengkajian Beberapa Aspek Masyarakat China Peranakan di Negeri-Negeri Selat, 1900-1940*”, Master Diss., (Bangi: UKM, 1980/81).

<sup>40</sup> William Tai Yuen, “*Chinese Capitalism in Colonial Malaya, 1900-1941*”, (Bangi: Penerbit UKM, 2013), hlm 80, 132-135, 151, 165, 278-283, 321-322, 329 dan 365.



wang melalui institusi kewangan di Tanah Melayu.<sup>41</sup> Ini menunjukkan perkembangan keluar masuk wang dari Tanah Melayu bermula dari bentuk kiriman wang melalui bank. Selain itu, kajian Victor Purcell dalam buku “*Chinese in Modern Malaya 2<sup>nd</sup> Edition*” menyatakan orang Cina merupakan bangsa yang mendominasi kegiatan bijih timah manakala buruh India dikatakan sebagai tukang penanam getah paling ramai manakala orang Cina “sinkeh” sebagai pengusaha yang melibatkan diri dalam kegiatan berat seperti pembukaan ladang, penanaman, menjaga operasi kegiatan penanaman dan bertindak sebagai pembayar gaji kepada buruh India. Hal ini jelas menunjukkan usaha masyarakat Baba Nyonya sebagai pemilik pegangan kecil tanaman getah tetapi berkembang menjadi pemilikan yang banyak kerana penjualan sedikit demi sedikit aset orang Melayu kepada masyarakat Baba Nyonya dalam menguasai penanaman getah.<sup>42</sup>



Perbincangan yang selari dalam kajian Yeo Siew Siang dalam bukunya “*Tan Cheng Lock*” *The Straits Legislators and Chinese Leader*” dan kertas kerja bertajuk “*The Background of Baba Nyonya Society and Development in Melaka*” oleh Jimmy Khoo Seng Kiong yang menyatakan peranan British di Tanah Melayu telah memperkenalkan ekonomi komersial seperti getah. Hal ini dibuktikan oleh usaha Tan Cheng Lock dalam sektor perladangan dan terlibat dengan majlis penyusunan harga getah antarabangsa dalam Sekatan Stevenson selain pembukaan ladang getah pertama oleh Tan Chay Yan di Estet Bukit Lintang, Melaka yang membuktikan pemilikan ladang oleh keluarga Baba Nyonya

<sup>41</sup> J. D. Vaughan, “*The Manners and Customs of The Chinese*”, (Singapore: Oxford University Press, 1971), hlm 9.

<sup>42</sup> Victor Purcell, “*Chinese in Modern Malaya 2<sup>nd</sup> Edition*”, (Singapore: Eastern Universities Press Ltd, 1960), hlm 24-25.



dengan menerima galakan daripada H. N. Ridley sewaktu getah diperkenalkan.<sup>43</sup> Jimmy Khoo Seng Kiong juga menambah dapatan kajiannya berkaitan ekonomi dalam pembentangan kertas kerja yang menyatakan perusahaan bijih timah dan emas telah menarik minat orang Cina ke Melaka pada abad ke-19 di Mukim Kesang, Jasin, Melaka sebagai buruh manakala Baba Nyonya sebagai pengusaha.<sup>44</sup> Selain itu, kajian John H. Drabble dalam “*The Rubber Industry in Melaka*” menunjukkan kronologi perkembangan perusahaan getah oleh pelopor pertama iaitu Tan Chay Yan yang menyahut cabaran H. N. Ridley untuk memulakan penenaman getah di Melaka dan diikuti oleh Tan Cheng Lock sehingga mempunyai ladang getah sendiri hasil daripada usaha awal sebagai “mandur” atau *foreman* untuk mengawasi ladang getah.<sup>45</sup> Perkara ini turut dibincangkan dalam kajian Tan Pek Leng dalam buku “*Land to Till - The Chinese in The Agricultural Economy in Malaysia*” berkaitan usaha Tan Chay Yan sebagai pemain industri getah dengan menubuhkan firma berpangkalan di London untuk keuntungan yang besar dalam perniagaan.<sup>46</sup>

Penulisan Lee Kam Hing dalam “*Peranakan Chinese Community and Decolonization in Malaya*”, menyatakan hubungan yang rapat antara Baba Nyonya dengan British sejak penubuhan Negeri-Negeri Selat telah memberikan ruang dan

<sup>43</sup> Yeo Siew Siang, “*Tan Cheng Lock*” *The Straits Legislators and Chinese Leader*”, (PJ: Pelanduk Publications (M), Sdn. Bhd., 1990), hlm 26-28. Lihat juga Sivachandralingam Sundara Raja, et.al., “*Menelusuri Sejarah Sosioekonomi Tanah Melayu dari Perspektif Baharu*”, (KL: Penerbit UM, 2020), hlm 181.

<sup>44</sup> Jimmy Khoo Seng Kiong, “*The Background of Baba Nyonya Society and Development in Melaka*” dlm Himpunan Kertas Kerja Seminar Pengisahan Melaka 2003-2006, (Melaka: PERZIM, 2008), hlm 175.

<sup>45</sup> John H. Drabble, “*The Rubber Industry in Melaka*”, dlm “*Melaka the Transformation of a Malay Capital c.1400-1980*”, (KL: Oxford University Press, 1983), hlm 571-575.

<sup>46</sup> Tan Pek Leng, “*Land to Till - The Chinese in The Agricultural Economy of Malaysia*”, (KL: Centre of Malaysian Chinese Studies, 2008), hlm 72

kepercayaan oleh British telah membawa kepada penubuhan klan atau *Straits Chinese British Association* (SCBA) dalam bidang politik selain diberikan taraf kerakyatan British, kemewahan hidup dan berpendidikan Inggeris di Melaka.<sup>47</sup> Perbincangan yang sama dalam penulisan buku “*Peranakan Chinese Identities in The Globalizing Malay Archipelago*” oleh Leo Suryadinata menyatakan *Straits Chinese British Association* (SCBA) ditubuhkan bagi melindungi kepentingan masyarakat Baba Nyonya seperti mana pertubuhan klan oleh Cina “sinkeh”. Penglibatan Baba Nyonya dalam bidang perniagaan, perkapalan, perbankan dan bijih timah termasuk industri getah disebabkan latar belakang yang diterima iaitu pro-British berbanding klan Cina “sinkeh” yang lebih bersifat “*China-oriented*” melalui Parti Komunis Malaya (PKM).<sup>48</sup>



Kajin Tan Chee Beng dalam buku “*Chinese Peranakan Heritage in Malaysia and Singapore*” menyatakan kelebihan berbahasa Inggeris merujuk kepada masyarakat Baba Nyonya di Melaka atau di Negeri-Negeri Selat yang berpendidikan Inggeris sehingga berjaya mendapat perhatian penjajah untuk duduk dalam sektor awam terutamanya sebagai peguam dan doktor. Peluang yang wujud juga selepas Perang Dunia Kedua dapat memperkuatkan kedudukan Baba Nyonya untuk melibatkan diri dalam dunia politik agar kelangsungan masyarakatnya lebih terjamin bermula dari penubuhan *Straits Chinese British Association* (SCBA) dan kemudiannya *Malayan Chinese Association* (MCA) sebagai wadah perjuangan menyuarakan suara Masyarakat Cina terutamanya oleh tokoh

<sup>47</sup> Lee Kam Hing, “*Peranakan Chinese Community and Decolonization in Malaya*”, dlm Leo Suryadinata (Ed), *Peranakan Communities in The Era of Declonization and Globalization*, (Singapore: Chinese Heritage Centre, 2015), hlm 22-23.

<sup>48</sup> Leo Suryadinata, “*Peranakan Chinese Identities in The Globalizing Malay Archipelago*”, (Singapura: ISEAS Publishing, 2022), hlm 29-30.

Baba Nyonya iaitu Tan Cheng Lock.<sup>49</sup> Hal ini kerana period yang bermula tahun 1920 merujuk kepada perkembangan terpenting bagi perjuangan Baba Nyonya dengan memimpin sekali Cina “sinkeh” untuk kedudukannya di Tanah Melayu ketika itu. Kajian Fadhl Sidek dalam buku “*Sejarah Orang China di Tanah Melayu*” menyatakan perjuangan Tan Cheng Lock yang sangat mesra dengan pengenalan *Malayan Union* oleh British kerana cara dan kaedah taraf kewarganegaraan yang akan digazetkan kepada orang Cina yang berada di Tanah Melayu melalui prinsip *jus soli* walaupun akhirnya mendapat tentangan orang Melayu tetapi banyak rundingan dijalankan bersama pemimpin Melayu.<sup>50</sup>

Kajian oleh Encik Baba Koh Kim Bok dalam seminar bertajuk “*Sejarah, Cabaran dan Masa Hadapan Masyarakat Baba Nyonya*” menyatakan sebelum kemerdekaan berlaku pergolakan politik nasionalisme orang Melayu dan telah mengganggu gugat kedudukan SCBA dan atas usaha-usaha untuk menyatukan orang Cina di Tanah Melayu, Tan Cheng Lock telah menubuhkan Persatuan Cina Malaysia atau lebih dikenali sebagai *Malaysia Chinese Association* (MCA)<sup>51</sup> pada 27 Februari 1949 apabila cadangan memisahkan Melaka dan Pulau Pinang sebelumnya Singapura telah gagal dan menyebabkan pembubarannya *Straits Chinese British Association* (SCBA).<sup>52</sup> Kedua-dua kenyataan dalam penulisan ini sama diperincangkan oleh Thomas R. P. Dawson dalam

<sup>49</sup> Tan Chee Beng, “*Chinese Peranakan Heritage in Malaysia and Singapore*”, (KL: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1993), hlm 26-27.

<sup>50</sup> Sidek Fadzil, “*Sejarah Orang Cina di Tanah Melayu*”, (Kota Bahru, Pustaka Aman Press, 1970), hlm 116.

<sup>51</sup> Pada awal penubuhan tahun 1949 Tun Tan Cheng Lock telah dipilih menjadi presiden pertama yang berjaya menarik keahlian seramai 200,000 ahli. Lihat dlm Thomas R. P. Dawson, “*The Sage of Malacca*”, (KL: Malaysia, 1966), hlm 11. 2006/0037825, Arkib Negara Malaysia, KL.

<sup>52</sup> Encik Baba Koh Kim Bok, “*Sejarah, Cabaran dan Masa Hadapan Masyarakat Baba Nyonya*” dlm Seminar Memartabatkan Masyarakat Peranakan Baba Nyonya dan Chetti Pewaris Bahasa Penerus Budaya, Anjuran DBP dengan kerjasama IPG Kampus Perempuan Melayu Melaka (20 Oktober 2011), hlm 1-8. (2019/0008602), Arkib Negara Malaysia, KL.

bukunya “*The Sage of Malacca*” dan Encik Baba Koh Kim Bok berkaitan peranan politik yang terdapat dalam perjuangan *Straits Chinese British Association* (SCBA).

Perkembangan politik bermula dari penubuhan *Straits Chinese British Association* (SCBA) dan kemudiannya *Malayan Chinese Association* (MCA) dapat dilihat suatu usaha berterusan untuk kepentingan Baba Nyonya sambil memimpin orang Cina “sinkeh” yang ada di Tanah Melayu. Hal ini kerana perjuangan mereka tetap sama kerana Baba Nyonya yang berkerakyatan British dan Cina “sinkeh” yang berpaksikan politik negara China sangat sukar untuk mendapatkan kedudukan di Tanah Melayu selepas Perang Dunia Kedua apatah lagi hal berkaitan dengan kerakyatan Tanah Melayu untuk berkerajaan sendiri. Hal ini dibincangkan dalam kajian Victor Purcell dalam buku “*Chinese in Modern Malaya 2nd Edition*” berkaitan kewarganegaraan menerusi usaha politik oleh pemimpin Baba Nyonya di Melaka.<sup>53</sup> Selain itu, kajian Ramlah Adam dalam bukunya “*Sumbanganmu Dikenang*” menyatakan kedudukan politik Tan Cheng Lock dan usahasama dengan pemimpin Melayu dalam mengazetkan kedudukan orang Cina di Tanah Melayu amnya dan Baba Nyonya khasnya untuk berkerakyatan di Tanah Melayu bawah “rakyat” raja Melayu. Usaha tersebut dapat dilihat dengan penelitian yang sangat tuntas dan tekal walaupun wujud ketidakpuasan hati orang Melayu terhadap perjuangan Tan Cheng Lock untuk memperolehi kedudukan yang sama dengan orang Melayu di Tanah Melayu.<sup>54</sup>

<sup>53</sup> Victor Purcell, “*Chinese in Modern Malaya 2nd Edition*”, (Singapore: Eastern Universities Press Ltd, 1960), hlm 56-60.

<sup>54</sup> Ramlah Adam, “*Sumbanganmu Dikenang*”, (KL: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2018), hlm 92-117.

Kajian Elaine Ang dalam “*The Development of Religious Beliefs and Education of The Baba Nyonya Society of Melaka*” berkaitan isu pendidikan yang menjadi keutamaan pemimpin Baba Nyonya seperti Tan Cheng Lock. Walaupun pendidikan bagi masyarakat Baba Nyonya telah berkembang sejak zaman awal lagi dengan penubuhan sekolah *Chinese Vernacular School* seperti *Anglo Chinese School* di Tengkera, *French Convent*, *Sacred Heart Convent* dan *St. Francis Xavier* di Banda Hilir tetapi perjuangan bahasa ibunda oleh orang Cina “sinkeh” turut menjadi perjuangan yang selari dengan pemimpin Baba Nyonya dalam usaha mendapatkan perhatian pendidikan bahasa ibunda walaupun kebanyakkan masyarakat Baba Nyonya mendapat pendidikan Inggeris.<sup>55</sup> Perkara yang sama juga ditegaskan dalam kajian Tan Liok Ee dalam buku “*Tan Cheng Lock*”: *Biografi Tokoh Pilihan Malaysia*” menunjukkan Tan Cheng Lock bukanlah pemimpin yang tepat untuk perjuangan politik orang Cina “sinkeh” di Tanah Melayu tetapi usahanya digembleng untuk sama-sama memperjuangkan hak pendidikan bahasa ibunda masyarakat Cina sangat dihargai oleh Cina “sinkeh”, termasuk guru yang menerima pendidikan Cina dan isi manifesto dalam Pilihanraya 1955.<sup>56</sup>

Kajian Ramlah Adam dalam buku “*Sumbanganmu Dikenang*” menunjukkan penubuhan *Communities Liaison Committee* (CLC) pada 10 Januari 1949 di Pulau Pinang

<sup>55</sup> Elaine Ang, “*The Development of Religious Beliefs and Education of The Baba Nyonya Society of Melaka*”, dlm Himpunan Kertas Kerja Seminar Pengkisahan Melaka 2003-2006, (Melaka: PERZIM, 2008), hlm 179.

<sup>56</sup> Tan Liok Ee, “*Tan Cheng Lock*”, dlm “*Biografi Tokoh Pilihan Malaysia*”, (Ed) Abdullah Zakaria Ghazali & Adnan Haji Awang, (KL: Penerbit UM, 1997), hlm 218. 56 Elaine Ang, “*The Development of Religious Beliefs and Education of The Baba Nyonya Society of Melaka*”, dlm Himpunan Kertas Kerja Seminar Pengkisahan Melaka 2003-2006, (Melaka: PERZIM, 2008), hlm 179.

<sup>56</sup> Tan Liok Ee, “*Tan Cheng Lock*”, dlm “*Biografi Tokoh Pilihan Malaysia*”, (Ed) Abdullah Zakaria Ghazali & Adnan Haji Nawang, (KL: Penerbit UM, 1997), hlm 218.

sebagai batu loncatan mewujudkan formula kerjasama antara kaum di Tanah Melayu terutamanya berkaitan hak dan kerakyatan orang Cina.<sup>57</sup> Kajian Abdul Halim Ramli dalam jurnal bertajuk “*Perdebatan antara kaum mengenai isu kerakyatan sebelum merdeka*” menunjukkan beberapa syor dalam persetujuan bersama kalangan pemimpin dalam usaha menerima kesepakatan berkaitan (1) penolakan dua kerakyatan, (2) kedudukan Islam sebagai agama negara yang dijamin, (3) tiada tempoh tertentu bagi hak istimewa orang Melayu dan (4) bahasa Melayu dijadikan bahasa kebangsaan tunggal manakala bahasa Inggeris boleh digunakan dalam urusan rasmi selama 10 tahun.<sup>58</sup>

Lim Huck Chin & Fernando Jorge dalam bukunya “*Malacca: Voices from the Street*” menunjukkan bagaimana penguasaan Baba Nyonya di *Heeren Street* (kini Jalan Tun Tan Cheng Lock) dan *Jonker Street* (kini Jalan Hang Jebat) mengembang usaha mewujudkan satu pegangan ekonomi dengan mempromosikan perniagaan mereka dengan iklan tertentu berkaitan ekonomi.<sup>59</sup> Kajian Khoo Kay Kim dalam kolokium sejarah bertajuk “*Riwayat Selangor Darul Ehsan*” menunjukkan usaha saudagar Negeri-Negeri Selat kalangan Baba Nyonya melindungi kepentingan perniagaannya ketika Perang Kelang antara orang Cina dan orang Melayu<sup>60</sup> manakala kajian William Tan Yuen dalam buku “*Chinese Capitalism in Colonial Malaya 1900-1941*” menunjukkan bagaimana pemilik

<sup>57</sup> Ramlah Adam, “*Sumbanganmu Dikenang*”, (KL: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2018), hlm 100.

<sup>58</sup> Abdul Halim Ramli, “*Perdebatan antara kaum mengenai isu kerakyatan sebelum merdeka*” Jurnal SEJARAH: Journal of the Department of History, Vol. 18, No. 18, (20 November 2017), hlm 55-86. <https://doi.org/10.22452/sejarah.vol18no18.4>

<sup>59</sup> Lim Huck Chin & Fernando Jorge, “*Malacca: Voices from the Street*”, (Malaysia: Lim Huck Chin, 2006), hlm 74.

<sup>60</sup> Khoo Kay Kim, “*Riwayat Selangor Darul Ehsan*”, dlm Kolokium Sejarah Negeri Selangor Darul Ehsan, Sejarah Dalam Proses Pembangunan, (Jabatan Sejarah Universiti Malaysia: Rumah Universiti, Universiti Malaya, 1989), hlm 1-33.



bank mengenakan faedah antara 24 persen hingga 36 persen kepada buruh India bagi menjaga kepentingan aset untuk pusingan modal dalam perniagaan mereka.<sup>61</sup>

Oleh itu, berdasarkan kajian penyelidikan lepas yang dijalankan dapat memberikan kepada saya melakukan kajian dan penyelidikan berfokus di negeri Melaka yang melibatkan perubahan ekonomi, sosial dan politik serta berpandukan potensi berteraskan kawasan bersejarah tersebut dengan penglibatan masyarakat Baba Nyonya sebagai pewaris tokoh dan pelopor awal yang banyak memberikan sumbangan dan pencapaian kepada negeri Melaka khasnya. Perbincangan dapatan analisis data akan disusun dalam bab-bab yang telah digariskan sebagai panduan penulisan kajian penyelidikan.



## 1.8 Metodologi Kajian

Penyelidikan sejarah begitu sinonim dengan menggunakan kajian kualitatif. Menurut Bilcher Bala, seseorang penulis akan membuat penyulingan data atau maklumat yang diperoleh melalui sumber yang digunakan sama ada sumber primer atau sumber sekunder selain menjalankan pembacaan untuk mendapatkan maklumat kajian sebelum menulis dapatan kajiannya.<sup>62</sup> Kaedah ini telah dilaksanakan secara meluas dalam banyak kajian penyiasatan di mana penulis perlu mengikuti norma, kaedah dan etika dalam menghasilkan

<sup>61</sup> William Tai Yuen, “*Chinese Capitalism in Colonial Malaya 1900-1941*”, (Bangi: Penerbit UKM, 2013), hlm 339.

<sup>62</sup> Bilcher Bala, “*Penulisan Kritikal dan Dokumentasi Untuk Penyelidikan Kualitatif*”, dlm Saidatul Nornis Hj. Mahali & Sim Chee Cheang, (Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah, 2012), hlm 136.





penulisan ilmiah yang bersifat heuristik. Untuk mendapatkan maklumat secara tersusun dan terperinci dalam menjalankan kajian, saya telah menggunakan beberapa kaedah kajian yang sesuai. Antaranya ialah:

### **1.8.1 Kajian Kepustakaan**

Untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan, saya telah mendapatkan khidmat rujukan sumber primer yang terdapat di Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur, Arkib Negara Malaysia, Cawangan Melaka dan disokong oleh sumber sekunder yang terdapat di Pusat Dokumentasi Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka, Bangunan Penyelidikan dan Dokumentasi, Muzium Rakyat, Melaka, Perpustakaan Negara, Perpustakaan Awam Negeri Melaka (PERPUSTAM), Cawangan Melaka, Perpustakaan Awam Negeri Melaka (PERPUSTAM), Cawangan Jasin, Perpustakaan Tuanku Bainun, UPSI, Perpustakaan Tun Sri Lanang, UKM, Perpustakaan Hamzah Sendut I, USM, Perpustakaan Raja Tun Uda, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Institut Tun Perak, Melaka, Wisma Sejarah, Kuala Lumpur, Pusat Rujukan Persuratan Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kuala Lumpur dan Pusat Sumber, Jabatan Ketua Menteri Melaka (JKMM) bagi mencari maklumat yang selari dan tepat dengan tajuk kajian yang dijalankan. Terdapat banyak bahan seperti buku, artikel, jurnal, seminar, prosiding, majalah dan laporan kerajaan yang berkaitan dengan rujukan kepustakaan untuk kajian penyelidikan saya.





### 1.8.2 Kajian Lapangan

Sepanjang kajian penyelidikan dijalankan, saya telah melakukan kajian lapangan dengan membuat pemerhatian terhadap kawasan yang dikatakan sebagai bukti perkembangan dan kewujudan masyarakat Baba Nyonya di Melaka bagi mendapatkan maklumat yang tepat dan padat. Lawatan ke Muzium Baba Nyonya di Jalan Tun Tan Cheng Lock, beberapa buah bangunan teres lama di Jalan Tun Tan Cheng Lock, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Melaka, Persatuan Peranakan Baba Nyonya Malaysia (PPBNM) dan Persatuan Peranakan Cina Melaka (PPCM).



Walaupun pengumpulan data kualitatif kurang sinonim dengan statistik tetapi kajian yang dijalankan melalui temu bual dan wawancara yang melibatkan informan yang boleh dipercayai kesahihannya sebagai sumber lisan yang melibatkan empat kaedah sejarah lisan dan kemudiannya dianalisa dapatan sumber tersebut. Temu bual separa berstruktur yang ditentukan dahulu tetapi jawapan kepada soalan-soalan tersebut adalah terbuka dan boleh dikembangkan.<sup>63</sup> Temu bual ini telah digunakan kepada informan supaya lebih fleksibel dengan melibatkan Presiden Persatuan Peranakan Baba Nyonya Malaysia (PPBNM), Dato' Ronald Gan Yong Hoe, En. Peter Ong Kim Koon, Presiden Persatuan Peranakan Cina

<sup>63</sup> Othman Lebar, "Penyelidikan Kualitatit Pengenalan Kepada Teori dan Metode", (Tanjong Malim: Penerbit UPSI, 2021), hlm 132-134.





Melaka (PPCM) dan Pn. Josephine Chua Lay Choo dari Muzium Baba Nyonya, Melaka.

Para informan tersebut telah dimaklumkan awal berkenaan temu bual tersebut mengikut tarikh, masa dan tempat yang akan dijalankan temu bual.

#### **1.8.4 Rujukan Laman Sesawang**

Kajian yang dijalankan juga melibatkan pemcarian maklumat melibatkan laman sesawang yang berkaitan dengan Baba Nyonya di Melaka, Pulau Pinang dan Singapura yang boleh diterima sebagai maklumat yang sahih dan dipercayai. Antara lama sesawang yang dilawati adalah:

1. Muzium Baba dan Nyonya di <http://www.babanyonyamuseum.com>,

2. Jabatan Perangkaan Malaysia di <http://www.dosm.gov.my>,

3. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Melaka di

<https://www.jpbdmelaka.gov.my/>

4. Dokumen Rasmi Terpelihara di <http://www.arkib.gov.my>,

5. Bahan dan Kisah Sejarah di <http://www.hids.gov.my>,

#### **1.9 Definisi Istilah**

Menurut Puteri Roslina Abdul Wahid, definisi memberikan makna kepada kata atau istilah.

Ini bermaksud satu kenyataan yang memberikan ciri-ciri yang diperlukan bagi sesuatu



perkara atau benda atau kenyataan yang menyatakan persamaan antara istilah dan makna istilah.<sup>64</sup> Dalam dunia penulisan akademik, penghasilan tesis atau disertasi menjadi kebiasaan untuk memberikan kata makna kepada sesuatu perkataan yang digunakan bagi memberikan maksud yang sesuai dan bermakna. Oleh itu, definisi istilah memainkan peranan yang penting bagi dunia penulisan akademik untuk menunjukkan ketepatan kepada sesuatu istilah agar tidak terpesong daripada maksud sebenar supaya mudah difahami dan diketahui maksud kepada sesuatu perkataan.

### 1.9.1 Modenisasi



Modensasi merupakan istilah yang biasa didengar dan dikaitkan dengan perkembangan sesebuah kawasan penempatan yang mulanya dari kawasan dihuni oleh masyarakat dan kemudiannya dibangunkan sejajar dengan proses perkembangan tempat tersebut dan zamannya. Apakah yang dimaksudkan dengan istilah modernisasi? Menurut Shamsul Amri modernisasi diterjemahkan sebagai perlakuan proses transformasi atau perubahan yang mendasari segala aspek kehidupan sesuatu masyarakat dan dianggap sebagai satu proses yang menjadi kebiasaan bagi sesebuah bangsa dan negara.<sup>65</sup> Hal ini dapat disimpulkan bahawa proses-proses modernisasi yang dialami oleh sesebuah masyarakat akan bersangkutan antara kehidupan masyarakat dan pembangunan negara. Dalam masyarakat

<sup>64</sup> Puteri Roslina Abdul Wahid, "Definisi dan konteks dalam terminologi Bahasa Melayu", Jurnal Pengajian Melayu, Jilid 16, 2005, hlm 61.

<sup>65</sup> Profesor Dato' Dr. Shamsul Amri Baharuddin, "Kestabilan Dimantapkan, Pertumbuhan Disuburkan: Hubungan Etnik Malaysia Sebagai Landasan Untuk Dulu, Sekarang dan Selama-lamanya", dlm Bengkel TOT Kursus TIT AS & Hubungan Etnik Peringkat Kebangsaan, (UITM: Shah Alam, 2005), 13-15 Disember 2005.

pula terdapat kepelbagaian etnik yang hidup bersama sejak dari awal lagi jika merujuk kepada proses-proses modenisasi di Malaysia. Menurut Hasnah Hussiin, konsep modenisasi telah bermula sejak zaman Revolusi Perindustrian di Eropah selepas Perang Dunia Kedua dan ia dikaitkan dengan pembangunan yang merujuk secara spesifikasi dari segi tingkahlaku sosial dan institusi.<sup>66</sup> Oleh demikian, modenisasi yang berlaku kepada Malaysia merupakan proses yang berterusan dari zaman awal sehingga kini. Menurutnya lagi, modenisasi juga boleh memberikan kepada kesan positif dan kesan negatif kepada isu hubungan etnik yang perlu ditangani dengan lebih bijak.

Konsep pendefinisian modenisasi ini sangat luas jika kita mencari definis dari pelbagai sudut pandangan. Menurut Fred W. Riggs, komponen terpenting untuk melihat modenisasi yang memberikan kesan kepada etnik ialah perkaitannya dengan perindustrian, demokrasi dan nasionalisme. Dua aspek iaitu perindustrian yang terkait dengan perkembangan modenisasi dan amalan demokrasi yang diamalkan merupakan elemen penting dalam pendefinisian oleh beliau tetapi aspek nasionalisme lebih diketengahkan untuk menilai tahap naasionalisme seseorang warga yang dikaitkan dengan konsep kedaulatan yang diperjuangkan oleh rakyat sesebuah negara yang memperakukan dirinya sebagai warganegara negara yang didiami.<sup>67</sup> Hal ini bertepatan dengan definisi modenisasi kerana tiga elemen yang dizahirkan sangat berkait rapat dengan proses-proses pembangunan negara yang melibatkan masyarakat yang ada dalam sesebuah negara.

<sup>66</sup> Hasnah Hussiin, “*Kesan modenisasi ke atas hubungan kaum di Malaysia*”, Jurnal UMP, Sains Sosial & Pengurusan Teknologi 1 (1) (2009), hlm 13-22.

<sup>67</sup> Fred W. Riggs, “*The modernity of ethnic identity and conflict*”, International Political Science Review, Vol. 19, No. 3, (1998), hlm 269-288. <https://www.jstor.org/stable/1601495>

Selain itu, konsep modenisasi menurut Karl Deutsch menyatakan komponen penting modenisasi adalah mobiliti sosial atau “*social mobilization*” yang terpakai kepada dua proses iaitu proses melibatkan keseluruhan sistem sosial tradisional, sistem ekonomi dan komitmen psikologi yang runtuh atau terhakis dan keadaan masyarakat yang boleh menerima sesuatu perkara yang baharu dalam kehidupan dari segi sosialisasi dan tingkah laku.<sup>68</sup> Oleh itu, dapat dilihat pendekatan pendefinisan oleh beliau lebih mengaitkan penerimaan masyarakat terhadap beberapa perubahan yang dialami dalam mobiliti sosial daripada masyarakat yang tradisional kepada moden. Modenisasi di sesebuah negara tidak dapat dielakkan kerana pembangunan yang dirancang untuk kemajuan di sesebuah kawasan.

### 1.9.2 Peranakan Baba

Penghijrahan masyarakat Cina pada zaman awal telah berkembang di kawasan nusantara sejak sekian lama hingga membentuk masyarakat Baba Nyonya di Melaka. Menurut Ding Choo Ming sebelum kedatangan penjajah Portugis, Belanda dan British, orang Cina awal sudah ada di nusantara atas tujuan perdagangan melalui penghijrahan mereka.<sup>69</sup> Simulasi yang dapat digambarkan dalam penghijrahan orang Cina di Melaka sangat berbeza dengan orang Cina yang datang pada zaman penjajahan British. Komposisi pergerakan melalui

<sup>68</sup> Karl Deutsch, “Chapter 12: Social Mobilization and Political Participation” in Political Development and Social Change, (Eds) Jason L. Finkleland, Richard W. Gable, (New York: John Wiley & Sons Inc, 1971) dlm Field Seminar Participants Fall 1998 and Spring 2000, Compiled by Chris Adolph, February 2000.

<sup>69</sup> Ding Choo Ming, “Pantun Peranakan Baba, Mutiara Gemilang Negeri-Negeri Selat”, (Bangi: Penerbit UKM, 2008), hlm 36.

penghijrahan mereka antara bandar-bandar utama yang wujud di sekitar nusantara terutamanya di Indonesia dan Melaka telah membentuk terminologi bagi Peranakan Baba. Walau bagaimanapun, terma bagi Peranakan Baba berbeza mengikut sudut bahasa di Indonesia dan Malaysia jika ditelusuri dari aspek perubahan zaman.

Menurut Leo Suryadinata, terma Peranakan Baba wujud menerusi perkataan dari bahasa Melayu bagi menunjukkan Cina kelahiran tempatan yang berkebolehan berbahasa Melayu atau bahasa tempatan ketika berada di rumah atau lebih dikenali sebagai anak negeri.<sup>70</sup> Hal ini merujuk kepada identiti kelahiran satu bangsa atau gen melalui perkahwinan yang lain dari bangsa atau gen asal yang mewujudkan terma Peranakan Baba tersebut. Walau bagaimanapun, terma tersebut lebih meluas kerana peranakan kebiasaanya merujuk kepada Peranakan India atau Peranakan Jawi yang merupakan asal keturunan melalui perkahwinan antara India atau bangsa Arab dengan wanita Melayu tempatan. Walau bagaimanapun, terma tersebut telah lama digunakan semenjak abad ke-19 lagi dan sangat popular serta lebih dikenali sebagai “bangsa campuran” melalui keturunan awal orang Cina.

Berbeza dengan istilah yang digunakan di Indonesia berbanding di Melaka, Peranakan Tionghua lebih sesuai digunakan berbanding panggilan Peranakan Baba kerana pada zaman Belanda, keadaan ini merujuk kepada Cina kelahiran tempatan muslim malahan kalangan mereka dilantik menjadi Kapitan Peranakan oleh Belanda namun berlaku

<sup>70</sup> Leo Suryadinata, “*Peranakan Chinese Identities in The Globalizing Malay Archipelago*”, (Singapura: ISEAS Publishing, 2022), hlm 3.

perubahan dan terma tersebut dimansuhkan kerana asimilasi dengan orang tempatan terutamanya yang beragama Islam (muslim).<sup>71</sup> Hal ini menunjukkan bukti perbezaan terma di Tanah Melayu berkaitan Peranakan Baba iaitu di Indonesia lebih merujuk kepada asimilasi dengan orang tempatan yang beragama Islam manakala di Tanah Melayu lebih merujuk kepada asimilasi dengan orang Melayu tempatan melalui perkahwinan campur.

Menurut Ding Choo Ming, Peranakan Baba lebih merujuk kepada empat peringkat yang berlainan dan saling melengkapi iaitu (1) imigrasi dari China, (2) kontak dengan orang dan Masyarakat pribumi, (3) berlaku proses alkulturas dan (4) membentuk identiti sepunya yang baharu.<sup>72</sup> Hal ini jelas menunjukkan proses asimilasi dan alkulturas dengan budaya tempatan di Melaka khasnya telah membentuk terma Peranakan Baba mengikut kelasnya yang tersendiri. Selain itu, kajian J. R. Clammer menyatakan Cina yang diidentifikasi menerusi amalan budaya Melayu yang dapat membezakan antara Peranakan Baba dan Cina totok.<sup>73</sup> Oleh itu, Peranakan Baba di Melaka dapat diklasifikasikan sebagai pengamal budaya Melayu yang tekal sehingga gelaran tersebut terpakai dan sah untuk mereka. Menurut Rudolph, istilah tersebut dapat menggambarkan situasi di mana perbezaan Peranak Cina dengan Cina totok dari segi fisiologi-biologi melibatkan perkahwinan campur kalangan orang Cina dengan wanita pribumi dalam dunia Melayu.<sup>74</sup> Oleh demikian, dapat dilihat perkahwinan campur merupakan pemula pembentukan identiti Peranakan Baba kalangan generasi baharu yang membezakan Cina bukan Peranakan Baba

<sup>71</sup> 71 Leo Suryadinata, “*Peranakan Chinese Identities in The Globalizing Malay Archipelago*”, (Singapura: ISEAS Publishing, 2022), hlm 12.

<sup>72</sup> Ding Choo Ming, “*Pantun Peranakan Baba, Mutiara Gemilang Negeri-Negeri Selat*”, (Bangi: Penerbit UKM, 2008), hlm 40.

<sup>73</sup> J. R. Clammer, “*Overseas Chinese Assimilation and Reunification: A Malaysian Case Study*”, Southeast Asian Journal of Social Science 3 (2), 1975, hlm 9-24.

<sup>74</sup> J. Rudolph, “*Reconstructing Identities: A Social History of the Babas in Singapore*”, (Aldershot: Ashgate, 1998), hlm 84.



yang datang lewat abad ke-19 hingga awal abad ke-20. J. R. Clammer juga menyatakan pembentukan komuniti Peranakan Baba di Melaka adalah hasil komuniti Cina di Melaka hari ini yang bukan sahaja bermula pada lewat abad ke-14 tetapi kalangan mereka merupakan bangsa yang rapat dengan orang Melayu. Oleh itu, kajian membuktikan Peranakan Baba adalah keupayaan sintesis budaya Cina, Melayu dan Inggeris dengan memasukkan budaya Melayu hasil perkahwinan campur malah proses alkulturas yang dialami dengan kehidupan yang dominan di alam Melayu.

### 1.9.3 Baba Nyonya

Terma penggunaan Baba yang sedia diketahui adalah secara asasnya merujuk kepada kaum atau etnik Baba Nyonya yang ada di Melaka khasnya dan di Pulau Pinang dan Singapura. Menurut Tan Chee Beng, pendefinisiannya juga memberikan makna yang lain bergantung kepada bagaimana ia digunakan, siapa yang menggunakannya dan bila digunakannya. Istilah Baba yang dikaitkan dengan *Straits Chinese* atau *Straits-born Chinese* telah digunakan pada masa lalu dan kebanyakannya merujuk kepada etnik tersebut untuk menggunakan label tersebut dan menjadi popular digunakan setelah pengenalan kepada Negeri-Negeri Selat yang terdiri daripada Melaka, Pulau Pinang dan Singapura pada tahun 1826.<sup>75</sup> Menurut Png, kalangan *Straits-born Chinese* ini tidak akan boleh disamakan dengan imigran Cina yang datang pada generasi ketiga, keempat ataupun kelima kerana

<sup>75</sup> Tan Chee Beng, “*The Baba of Melaka: Culture and Identity of a Chinese Peranakan Community in Malaysia*”, (Petaling Jaya: Pelanduk Publications Sdn. Bhd., 2021), hlm 11.



generasi pertama bertindak atas asimilasi dan alkulturasi dengan masyarakat tempatan yang menyamai dengan tindak tanduk ibu bapa mereka yang awal datang ke Tanah Melayu.<sup>76</sup> Hal ini menunjukkan pendefinisian Baba oleh Png merujuk kepada keupayaan penggunaan dan percakapan bahasa Melayu dalam dialek bahasa Baba. Selain itu, terma Baba dan Nyonya juga memberikan kumpulan gelar yang menjadi penghormatan kepada penutur Hokkien dan Teochew yang melabelkan lelaki muda sebagai *A-ba* manakala *A-nya* merujuk kepada wanita muda kalangan mereka.<sup>77</sup>

Menurut Tan Chee Beng, penggunaan awal perkataan Baba tidak begitu jelas dan ada kalangan mereka tidak mengetahui apakah menyedari langsung penggunaan gelaran Baba tersebut. Hal ini merujuk kepada perkataan Baba yang digunakan oleh kaum Hokkien iaitu *bba* yang membawa maksud *numb* atau dapat disimpulkan sebagai satu identiti yang lain atau bersifat tekal dengan asimilasi dan alkulturasi amalan budaya tempatan berbanding Cina bukan Baba.<sup>78</sup> Menurut Clammer dalam kajiannya iaitu *Straits Chinese Society: Studies in the Sociology of the Baba Communities of Malaysia and Singapore*, terma bagi Baba merujuk kepada orang asli Bengal yang menamakan anak orang Eropah dan perkataan tersebut akhirnya menjadi kegunaan bagi banduan India bagi kegunaan umum panggilan bagi kanak-kanak Cina dan kemudiannya digunakan bagi menunjukkan lelaki Cina Selat sama ada yang berkasta, separuh kasta atau tidak berkasta.<sup>79</sup>

<sup>76</sup> Png Poh Seng, “*The Straits Chinese in Singapore: A case of local identity and socio-cultural accommodation*”, Journal of Southeast Asian History, 10 (1), (1969), hlm 95-114.

<sup>77</sup> John R. Clammer, “*Straits Chinese Society: Studies in the Sociology of the Baba Communities of Malaysia and Singapore*”, (Singapore: Singapore University Press, 1980), hlm 5.

<sup>78</sup> Tan Chee Beng, “*The Baba of Melaka: Culture and Identity of a Chinese Peranakan Community in Malaysia*”, (Petaling Jaya: Pelanduk Publications Sdn. Bhd., 2021), hlm 12.

<sup>79</sup> John R. Clammer, “*Straits Chinese Society: Studies in the Sociology of the Baba Communities of Malaysia and Singapore*”, (Singapore: Singapore University Press, 1980), hlm 4.



Kajian Khoo Joo Ee dalam bukunya bertajuk *The Straits Chinese: A Cultural History* menyatakan terminologi bagi Baba juga telah menjadi perdebatan apabila Syarikat Hindia Timur Inggeris (SHTI) yang berpangkalan di India mula bertapak ke Tanah Melayu dengan membawa pengaruh India ke Selat Melaka. Menurut beliau, perkataan tersebut yang berasal daripada India dan akhirnya digunakan juga oleh orang Asia Barat telah menampakkan ciri-ciri gelar yang sepunya dan memberikan maksud yang tersendiri. Hal ini dapat dibuktikan dengan panggilan oleh isteri orang Pakistan terhadap suaminya sebagai “gelar hormat” dengan panggilan “Baba”.<sup>80</sup> Jadi bagi lelaki Cina Selat, panggilan Baba merujuk kepada ”Baba yang terhormat” adalah untuk menunjukkan taraf perbezaan antara masyarakat yang berbilang kaum di Melaka pada waktu itu. Gelaran ini digunakan sehingga la zaman Malaysia moden dan disulam dengan gabungan panggilan Baba Nyonya di Melaka. Panggilan ini merupakan panggilan sepunya yang dimiliki atas tiket keistimewaan pada sesuatu masyarakat di Melaka. Begitu juga dengan pendefinisan terminologi bagi Nyonya yang mana penggunaannya tidak sebegitu eksklusif dan menjadi panggilan yang digunakan oleh wanita Sumatera dan Jawa.<sup>81</sup> Oleh itu, sering didengar variasi perkataan tersebut hampir sama bunyinya dalam bahasa Melayu iaitu Nyonya, Nyonyah, Nonya atau Nona yang merujuk kepada wanita bukan Melayu yang berkahwin dengan orang Cina yang mempunyai kedudukan seperti “*Straits Chinese*“ atau “*Straits-born*“.

<sup>80</sup> Khoo Joo Ee, “*The Straits Chinese: A Cultural History*”, (Amsterdam & Kuala Lumpur, 1996), hlm 24.

<sup>81</sup> *Ibid*, hlm 24.



#### 1.9.4 *Straits Born Chinese*

Terdapat kekeliruan sebenar dalam memberikan pendefinisan terhadap sesuatu gelaran yang betul pada permulaannya tentang masyarakat Baba Nyonya. Seperti yang diketahui, panggilan atau gelaran khas bagi Baba Nyonya ini memberikan pendefinisan yang berbeza terutamanya berkaitan dengan Peranakan Baba, Baba dan “*Straits Chinese*” atau “*Straits-born*”. Kajian terdahulu yang dijalankan, dapat disimpulkan pendefinisan yang memberikan makna dan pandangan yang berbeza berkaitan terma tersebut yang digunakan. Alkulturasi budaya Cina-Melayu telah berlangsung sejak sekian lama dan tidak boleh disamakan dengan Peranakan Baba malahan “*Straits-born Chinese*” yang merupakan rakyat British juga tidak boleh dikategorikan sebagai Peranakan Baba tetapi istilah tersebut telah digunakan sejak zaman British yang merujuk kepada Peranakan Baba yang berada di Melaka atas tugasnya dalam pentadbiran penjajah. Oleh itu, pendefinisan istilah ini akan dapat merungkai beberapa perbezaan dalam istilah tersebut yang diperbincangkan.

Menurut Clammer, “*Straits Chinese*” merupakan satu gelaran yang digunakan bagi membezakan siapa dan di mana lahirnya keturunan orang Cina yang dipanggil “*Straits-born*” sebelum kemerdekaan Tanah Melayu yang mana di dalamnya terdapat negeri di bawah pemerintahan Tanah Jajahan Mahkota British iaitu Melaka, Pulau Pinang dan Singapura.<sup>82</sup> Hal ini menunjukkan terdapat pengelasan tersendiri dalam memberikan

<sup>82</sup> John R. Clammer, “*Straits Chinese Society: Studies in the Sociology of the Baba Communities of Malaysia and Singapore*”, (Singapore: Singapore University Press, 1980), hlm 2.

pendefinisan terhadap gelar bagi “*Straits Chinese*“ dan “*Straits-born*“ agar kajian yang akan dijalankan pada masa depan dapat memberikan konteks definisi yang mudah difahami dan pembacaan penyelidik atau orang awam yang ingin mengetahui tentang Baba Nyonya.

Menurut Khoo Joo Ee, tidak semua orang Cina Selat (*Straits Chinese* atau *Straits-born*) tinggal atau dilahirkan di Negeri-negeri Selat tetapi secara zahirnya istilah tersebut merupakan satu kepentingan bagi keturunan Cina Selat menggunapakai sebagai salah satu kelayakan gelaran bagi keturunan mereka dan seolah-olah gelaran tersebut hanya terpakai dan terpelihara untuk masyarakat Baba Nyonya.<sup>83</sup> Hal ini adalah untuk menunjukkan perbezaan keturunan mereka dengan Cina “sinkeh” atau “pendatang baharu” yang di bawa masuk oleh British untuk merancakkan aktiviti perekonomian di Tanah Melayu pada abad ke-19 dan abad ke-20. Pada tahun 1826, Melaka, Pulau Pinang dan Singapura yang berada dalam Negeri-negeri Selat telah digabungkan dan oleh demikian, rujukan pendefinisan tersebut dapat disimpulkan sinonim dengan perkara di atas.

## 1.10 Pembahagian Bab

Kajian tentang tindak balas masyarakat Baba Nyonya terhadap modenisasi di Melaka, 1900 hingga 1957 dibahagikan kepada enam bab. Bab Pertama merujuk kepada Bab Pengenalan yang menyentuh tentang latar belakang kajian. permasalahan kajian, objektif kajian, skop kajian, kepentingan kajian, kajian literatur, kaedah penyelidikan dan definisi istilah. Oleh

<sup>83</sup> Khoo Joo Ee, “*The Straits Chinese: A Cultural History*”, (Amsterdam & Kuala Lumpur: The Pepin Press, 1996), hlm 23-24.



itu, persoalan-persoalan yang dikaji akan dibincangkan dalam bab-bab berikutnya dengan lebih terperinci. Selain itu, kajian literatur yang dijalankan oleh penyelidik terdahulu dijadikan sebagai bahan rujukan dalam mencari signifikan kajian berkaitan tindak balas Masyarakat Baba Nyonya terhadap modenisasi di Melaka, 1900 hingga 1957.

Sementara itu, Bab Kedua akan membincangkan Latar Belakang Masyarakat Baba Nyonya di Melaka yang memfokuskan pada subtopik kecil iaitu pendahuluan dan seterusnya subtopik berkaitan sejarah masyarakat Baba Nyonya di Melaka dengan memfokuskan orang Cina awal di Melaka, Laksamana Zheng He dan hubungan diplomasi Melaka-China. Subtopik seterusnya membincangkan berkaitan pembentukan masyarakat Baba Nyonya di Melaka yang memfokuskan kepada subtopik perkahwinan campur orang Cina dengan wanita tempatan, identiti Baba Melayu dan pembentukan etnik muslim Baba Nyonya. Subtopik seterusnya membincangkan berkaitan penempatan masyarakat Baba Nyonya di Melaka yang memfokuskan penempatan awal di Bukit Cina, Jalan Tun Tan Cheng Lock (*Heeren Street*) dan Jalan Hang Jebat (*Jonker Street*) yang mana kedua-dua jalan merupakan kawasan penempatan masyarakat Baba Nyonya dan tempat perniagaan diikuti seterusnya dengan kesimpulan.

Bab Ketiga pula membincangkan Kesan Modenisasi Terhadap Masyarakat Baba Nyonya Dalam Sektor Ekonomi yang memfokuskan kepada subtopik pendahuluan dan seterusnya penglibatan awal dalam sektor pertanian yang menyentuh serba sedikit aktiviti pertanian awal yang diceburi. Subtopik seterusnya ialah penguasaan ekonomi Baba





Nyonya secara komersial di Melaka yang memfokuskan kepada subtopik syarikat perkapalan wap, perladangan dan perbankan disusuli dengan kesimpulan.

Selanjutnya, bagi Bab Keempat akan membincangkan tentang Sumbangan dan Pencapaian Masyarakat Baba Nyonya di Melaka yang memfokuskan kepada pendahuluan dan disusuli dengan subtopik *Straits Chinese British Association (SCBA), Malaysia Chinese Association (MCA)* dan peranannya, pendidikan masyarakat Baba Nyonya di Melaka, penerbitan penulisan karya kreatif dan diikuti kesimpulan.

Bagi Bab Kelima, memberikan tumpuan kepada Isu dan Cabaran Masyarakat Baba Nyonya di Melaka dimulai dengan pendahuluan dan diikuti dengan subtopik berkaitan perjuangan status masyarakat Baba Nyonya, pemilikan perniagaan masyarakat Baba Nyonya, fenomena perkahwinan campur, pengekalan identiti masyarakat Baba Nyonya dan diikuti dengan kesimpulan.

Bab 6 iaitu Penutup yang menjurus kepada perbincangan secara menyeluruh dapatan kajian yang dijalankan terhadap tindak balas masyarakat Baba Nyonya terhadap modenisasi di Melaka bermula tahun 1900 hingga 1957. Perbincangan dapatan tersebut akan menyimpulkan keadaan sebenar kesan modensasi yang dilalui oleh masyarakat Baba Nyonya di Melaka berkaitan ushaa dan pencapaiannya dalam bidang ekonomi, politik dan sosial yang boleh dijadikan sebagai rujukan kajian pada masa akan datang untuk penambahbaikan.



## 1.11 Rumusan

Oleh itu, tindak balas masyarakat Baba Nyonya terhadap modenisasi di Melaka, 1900 hingga 1957 telah menjadi titik tolak kepada kegemilangan Baba Nyonya sebagai pelopor awal kepada pembentukan kejayaan Baba Nyonya di Melaka selain boleh penerimaan asimilasi dan alkulturasi budaya tempatan dan budaya yang dimilikinya. Zaman awal penghijrahan yang dikaitkan dengan perdagangan dan perniagaan akhirnya telah mewujudkan satu jalinan hubungan diplomatik antara kerajaan China dan kerajaan Melaka. Sejak zaman penjajahan Portugis dan Belanda, kedudukan masyarakat Baba Nyonya ternyata tidak diganggu gugat dan sentiasa dalam keadaan baik hasil keupayaan pemimpin mereka menjalankan hubungan baik dengan penjajah terutamanya Belanda. Ternyata hubungan tersebut dijalankan dengan cemerlang dengan penjajah British untuk mengekalkan kedudukan masyarakat Baba Nyonya oleh pemimpin awal mereka di Melaka agar masyarakat Baba Nyonya tidak ketinggalan dalam proses-proses bermasyarakat dengan penduduk tempatan malahan penempatan yang berada di Jalan Tun Tan Cheng Lock tersebut telah menjadikan masyarakat Baba Nyonya sebagai satu komuniti yang terkenal pada zaman tersebut. Kupasan mengenai sejarah perkembangan dan sumbangan masyarakat Baba Nyonya di Jalan Tun Tan Cheng Lock bermula 1900 hingga tahun 1957 adalah kesan daripada proses modenisasi yang berlaku di Melaka yang melahirkan pelopor kepada kejayaan yang dapat mengekalkan kedudukan dan peranan masyarakat Baba Nyonya di Melaka.